

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

- Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 3).



Berita Utama



CIPTA cetus idea kreatif, penerokaan inovasi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - Sejak penubuhannya, CIPTA menjadi platform dalam mencetuskan idea-idea kreatif dan penerokaan inovasi.

Ia mencerminkan komitmen untuk melahirkan generasi yang berdaya tahan, berfikiran kompetitif serta dilengkapi dengan asas yang kukuh dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

>> Muka 8

24 pegawai kanan ABDB naik pangkat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Awang Haji Sulaiman

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 26 Jun. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 24 pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat hari ini.

>> Muka 3

Bincang trend ekonomi Islam global, pembangunan sosioekonomi, inovasi teknologi

Siaran Akhbar : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dengan sokongan dari Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan

Track & Roll Sdn. Bhd. telah menganjurkan persidangan Brunei Islamic Economy Conference (BIE-CON) 2026 yang bertemakan 'Catalysing a High-Performance Islamic Economy'.

>> Muka 5

Memperkasa modal insan melalui transformasi sistem pemulihan penjara



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman berucap pada Upacara Perbarisan Sempena Penubuhan Jabatan Penjara yang Ke-72 tahun pada Sabtu, 23 Mei 2026 yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Jabatan Penjara, Daerah Tutong.

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen.
Wassalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat dan hidayah-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam Upacara

Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara kali Ke-72.

Terlebih dahulu, sukacita peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pemangku Pengarah Penjara, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan serta seluruh warga Jabatan Penjara atas kesudian menjemput peramba, saya hadir selaku tetamu kehormat pada pagi ini.

Sambutan pada hari ini diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa, pengorbanan dan pencapaian seluruh warga Jabatan Penjara yang telah menabur bakti dengan penuh komitmen selaras dengan amanah yang dipertanggungjawabkan demi keselamatan dan kesejahteraan negara.

Pada kesempatan ini, sukacita peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara atas pelaksanaan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta komitmen yang telah dicurahkan sepanjang lebih tujuh dekad dalam memastikan peranan jabatan ini sentiasa relevan dan berkesan dalam sistem keadilan jenayah serta keselamatan negara.

Sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang menggalas amanah dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan negara, Jabatan Penjara turut melaksanakan pelbagai program pemulihan yang bermanfaat kepada insan-insan yang diberikan peluang kedua untuk kembali ke landasan yang benar dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Peramba / Saya menyambut baik usaha Jabatan Penjara dalam merancang dan melaksanakan program-program pemulihan berteraskan proses *desistance*. *Desistance* dalam konteks kriminologi dan sistem

penjara adalah merujuk kepada proses seseorang individu berhenti daripada terlibat dalam tingkah laku jenayah dan secara beransur-ansur kembali menjalani kehidupan yang positif serta diterima masyarakat. Setentunya peramba / saya percaya usaha sedemikian menuntut komitmen yang berterusan daripada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara, di samping sokongan serta kerjasama berterusan daripada pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation dan yang penting sekali adalah dari ahli keluarga.

Program pemulihan yang dimaksudkan turut memfokuskan kepada pelaksanaan program akademik yang memberi peluang kepada para banduan untuk meneruskan pembelajaran mereka. Dalam hubungan ini, Jabatan Penjara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, baru-baru ini telah memberi peluang kepada seramai 32 orang banduan tempatan untuk menduduki peperiksaan GCE 'O' Level. Usaha ini mencerminkan komitmen jabatan dalam memastikan sinar ilmu tidak terhenti walaupun mereka berada di sebalik tembok penjara.

Dalam usaha memperkasa program pemulihan dari aspek keagamaan dan kerohanian, khususnya Program Hafazan Al-Quran yang telah diperkenalkan sejak tahun 2014 melalui kerjasama Pusat Pembangunan dan Pembelajaran Al-Quran (PPPQ), MABIMS; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Aftercare Support Association (AFSA), peramba / saya sukacita menyarankan agar Jabatan Penjara meneliti semula insentif di bawah Skim Tasmie' Menghafaz Al-Quran bagi menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam

kalangan banduan tempatan, di samping memastikan pelan latihan yang lebih terancang serta bimbingan yang berterusan.

Pada masa ini, Jabatan Penjara telah menjalankan kerjasama dengan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu dengan melaksanakan program vokasional menenun kain bagi tujuan memelihara dan memperkukuh warisan seni pertukangan tangan Brunei di samping mempersiapkan para banduan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah keluar dari pemenjaraan nanti. Setakat ini, seramai empat orang banduan telah mengikuti program tersebut.

Peramba / Saya juga menghargai kerjasama berterusan pihak swasta dalam menjayakan program pemulihan, seperti Program Upskilling yang melibatkan seramai empat orang banduan tempatan yang berjaya mengikuti Kursus Kemahiran Rigger, manakala enam orang lagi telah berjaya mengikuti kursus Scaffolding. Selain itu, seorang Rakan Seliaan telah turut berjaya mengikuti program Heavy Goods Transport (HGT) sejurus selepas dibebaskan. Di samping itu, Projek Pertanian dan Penanaman Padi dengan kerjasama, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Bank Islam Brunei Darussalam wajar diperkasakan sebagai salah satu program pemulihan yang berdaya maju dalam menyahut inisiatif kerajaan untuk mengembangkan sektor berkenaan.

>> Muka 12

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	SABTU	11	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
28	AHAD	12	4.37	4.47	6.11	6.36	12.25	3.50	6.36	7.51
29	ISNIN	13	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
30	SELASA	14	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1 JULAI	RABU	15	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	KHAMIS	16	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
3	JUMAAT	17	4.38	4.48	6.12	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
34 25 °C	33 25 °C	33 24 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	33 26 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
34 25 °C	33 24 °C	33 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 24 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

27 JUN 2026

Memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan

KECERDASAN Buatan (AI) telah menjadi nadi revolusi digital, meresap masuk ke dalam setiap aspek kehidupan kita. Dari algoritma media sosial yang mengesyorkan video hingga sistem diagnostik perubatan yang menyelamatkan nyawa, potensinya amat besar. Namun, kuasa yang besar ini datang dengan tanggungjawab yang setimpal. Oleh itu, adalah penting untuk menggunakan teknologi AI dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan ia memberi manfaat kepada semua.

Isu privasi dan keselamatan data adalah amat kritikal. AI sering memerlukan akses kepada sejumlah besar data peribadi untuk berfungsi dengan cekap. Di sinilah tanggungjawab pengguna dan penggubal dasar memainkan peranan. Kita mesti bijak dalam berkongsi data dan memahami terma perkhidmatan yang kita setuju. Dari sudut pembangun, mereka bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang kukuh bagi melindungi data ini daripada pelanggaran dan penyalahgunaan. Kegagalan dalam aspek ini bukan sahaja mengugut kepercayaan malah boleh mendatangkan kemudaratan kewangan dan psikologi kepada individu.

Selain itu, tanggungjawab bermaksud kita tidak boleh menyerahkan sepenuhnya kuasa membuat keputusan kepada mesin. AI adalah alat untuk membantu manusia, bukan menggantikan pertimbangan dan budi bicara manusia. Dalam bidang seperti kehakiman, kesihatan dan autonomi kenderaan, keputusan muktamad harus kekal di tangan manusia yang bertanggungjawab, terutamanya untuk keputusan yang mempunyai implikasi moral dan etika yang tinggi. Kegagalan untuk mengekalkan peranan manusia seperti dalam membuat keputusan muktamad boleh membawa kepada akibat yang tidak diinginkan dan sukar untuk diperbaiki.

Akhir sekali, sebagai pengguna, kita mempunyai tanggungjawab untuk mendidik diri kita sendiri. Kita perlu memahami keupayaan dan batasan AI supaya kita tidak mudah terpedaya dengan maklumat palsu atau penyalahgunaan teknologi seperti *deepfake* di mana pemalsuan wajah dan suara digunakan oleh individu tidak bertanggungjawab untuk melakukan penipuan dalam talian dan jenayah siber yang lain. Dengan menjadi pengguna yang celik digital, kita boleh menuntut akauntabiliti daripada pembangun dan penggubal dasar.

Kesimpulannya, revolusi AI sedang berlangsung dan ia tidak akan berhenti. Kejayaan kita sebagai masyarakat bukan diukur dengan seberapa pantas kita mengguna pakai teknologi ini, tetapi dengan seberapa bijak dan bertanggungjawab kita mengemulkannya. Ia memerlukan usaha kolektif daripada semua pihak untuk memastikan AI menjadi pendorong kemajuan yang beretika, inklusif dan selamat untuk generasi akan datang. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**


Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan

Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha, hari ini. Menyertai Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha pada Majlis

Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon dan pegawai-pegawai kanan dari Angkatan Bersenjata Diraja Thailand.

Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand telah menjalin hubungan diplomatik sejak 1 Januari 1984. Hubungan dua hala yang erat antara kedua-dua buah negara turut dizahirkan semasa Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia Ke-35 di Kazan, Persekutuan Rusia baru-baru ini di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul.

Dalam bidang pertahanan dan ketenteraan, hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara terus diperkukuhkan lagi melalui pelbagai aktiviti pertahanan dan ketenteraan yang merangkumi kursus, pertukaran lawatan, mesyuarat dan eksekutis serta melalui platform pelbagai hala khususnya di bawah rangka Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah dari rombongan Tuan Yang Terutama Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan dijunjung bergambar ramai.

24 PEGAWAI KANAN ABDB NAIK PANGKAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada majlis berkenaan (atas). Sementara gambar kiri, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan ketika menyampaikan Lencana Kenaikan Pangkat.

di Mes Pegawai Bolkiah Garison berkenaan telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II,

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah dan pegawai

pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, bagi memberkati majlis.

>> Muka 1

Seramai tiga pegawai dinaikkan pangkat dari Leftenan Kolonel ke Kolonel Tetap, sementara 14 pegawai dinaikkan pangkat dari Pemangku Leftenan Kolonel/ Komander (Tentera Laut Diraja Brunei-TLDB) ke Leftenan

Kolonel / Komander (TLDB), manakala tujuh pegawai dinaikkan pangkat dari Mejar / Leftenan Komander (TLDB) ke Pemangku Leftenan Kolonel / Komander (TLDB).

Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat yang berlangsung

JPM semarak Tahun Baharu Hijrah 1448



YANG Berhormat Menteri Penyalas bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang); dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) hadir selaku tetamu khas bersama pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1448.

BERAKAS, Rabu, 24 Jun. - Bagi menyemarakkan Sambutan Tahun Baharu Hijrah, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1448 yang membawakan tema

'Hijrah Penyelamat Akidah' bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, di sini.

Hadir selaku tetamu khas bersama ialah Menteri Penyalas bagi Keselamatan



MAJLIS diisi dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta inti sari oleh siswa Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas yang telah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang (kiri dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, jempunan khas, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Kemudian majlis diteruskan dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan inti sari oleh siswa Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohammad Hashim dan Awang Ahmad Darwish bin Hamdan.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Hijrah Penyelamat Akidah' yang



disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang dan diakhiri dengan Selawat Tafriyyah dan Selawat Asy-Syifa yang dipimpin oleh pegawai dan kakitangan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis pada tahun ini dipengerusikan oleh Pusat Pengurusan Keselamatan Kebangsaan, Sekuriti dan Undang-Undang, JPM dan dikendalikan bersama Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan JPM untuk memulakan acara-acara kebesaran Islam, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan.

DOA KESYUKURAN KEPULANGAN ROMBONGAN BI'THAH HAJI PERUBATAN

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 dan Doa Kesyukuran bagi Kepulangan Rombongan Bi'thah Haji Perubatan dan Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Musim Haji 1447H bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis berkenaan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan dan diadakan bagi meraikan dan mengalu-alukan kepulangan para jemaah haji yang telah selamat menunaikan rukun Islam kelima di Tanah Suci, di samping menzahirkan rasa syukur ke

hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kesempatan dan kemampuan yang telah dikurniakan kepada mereka untuk menyempurnakan ibadah haji.

Majlis tersebut juga merupakan wadah untuk memohon keberkatan agar segala ibadah yang telah dilaksanakan diterima sebagai haji mabrur serta sebagai tanda penghargaan kepada anggota Bi'thah Perubatan yang telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dalam memberikan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan kepada para jemaah haji sepanjang musim haji.

Di samping itu, majlis berkenaan turut memperingati kedatangan Tahun Baharu Hijrah 1448H sebagai peluang untuk bermuhasabah diri, memperbaharui azam serta mengambil iktibar daripada semangat hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dan teladan dalam kehidupan seharian.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 dan Doa Kesyukuran bagi Kepulangan Rombongan Bi'thah Haji Perubatan dan Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Musim Haji 1447H (atas). Manakala gambar bawah kiri, sebahagian daripada yang hadir pada majlis berkenaan.

Haji Matassim.

Majlis berkenaan turut diisi dengan ceramah agama bertajuk 'Haji Mabrur, Hijrah Berterusan : Menyuburkan Ihsan Dalam Perkhidmatan Kesihatan' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Kemudian, majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban bagi menyambut kepulangan Bi'thah Haji Perubatan yang terdiri daripada 20 Pegawai Perubatan dan jururawat serta 35 jemaah haji warga Kementerian Kesihatan.

Ketua Rombongan Bi'thah

Perubatan Haji bagi Musim Haji 1447H / 2026M ialah Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin bin Abdullah Kelali.

Seterusnya bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Awang Ahmad Syuja'iee.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



BINCANG TREND EKONOMI ISLAM GLOBAL, PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI, INOVASI TEKNOLOGI

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance



BDCB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, selaku Pengerusi BILIF yang antara lain menekankan peranan ekonomi Islam sebagai pemacu strategik bagi pembangunan negara yang mampan, inklusif dan berteraskan nilai.

Beliau menyatakan bahawa BIE-CON 2026 berfungsi sebagai platform untuk perkongsian ilmu dan kerjasama dengan perbincangan yang memberi tumpuan kepada trend ekonomi Islam global, pembangunan sosioekonomi serta inovasi teknologi.

Dayang Hajah Rashidah turut menyuarakan harapan agar persidangan berkenaan dapat menyumbang kepada usaha untuk memperkukuh lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai platform serantau yang berwibawa bagi pembangunan dan pelaburan ekonomi Islam.

Majlis diteruskan dengan ucapnama oleh tetamu kehormat majlis, yang antara lain menekankan bahawa ekonomi Islam bukan sahaja merangkumi produk halal dan kewangan patuh Syariah, tetapi juga ekosistem yang lebih luas yang berasaskan aktiviti ekonomi yang produktif, nilai-nilai beretika serta pembangunan mampan.

Yang Berhormat menegaskan keperluan untuk memperkukuh hubungan antara industri halal, kewangan Islam, teknologi dan pembangunan bakat bagi membuka peluang baharu untuk pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan untuk memajukan pasaran modal Islam,



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank.

memupuk inovasi melalui teknologi kewangan Islam (Islamic FinTech), serta membangunkan modal insan yang berkemahiran bagi menyokong ekonomi Islam yang lebih bersepadu, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Persidangan selama dua hari berkenaan menentang perincian perbincangan peringkat tinggi, pembentangan serta sesi panel strategik yang merangkumi pelbagai tema utama berkaitan ekonomi Islam, industri halal, kewangan Islam, kemampanan, teknologi dan peluang ekonomi serantau.

Sesi-sesi utama termasuk 'Leveraging on the Halal Waves : Fast Tracking the Growth of Islamic Economy'; 'Islamic Economy & Regional Outlook 2026 : Implications for Businesses'; 'Indonesia's Syariah Economy

Blueprint : Lessons for an Integrated Ecosystem'; 'Building a Resilient Islamic Economy : Sustainability; Security & Strategic Production'; 'Islamic Finance : Building Economy or Product Placements', dan 'Competing in the Global Economy : What Must Change Now'.

Persidangan berkenaan menampilkan penceramah dan ahli panel dari dalam dan luar negara, yang mewakili institusi serta organisasi terkemuka dalam bidang kewangan Islam, ekonomi halal, pelaburan, akademik dan sektor dasar.

Antaranya ialah Ahli Lembaga Pengarah BILIF, Dr. Haji Hairul Azrin bin Haji Besar; Pakar Kewangan Islam Utama, Islamic Development Bank (IsDB), Jeddah, Syed Faiq Najeeb; Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA International Consulting Sdn. Bhd., INCEIF

University, Malaysia, Assoc. Professor Dr. Eskandar Shah bin Mohd. Rasid; Pengarah, Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah (KNEKS), Dr. Sutan Emir Hidayat; dan Rakan Kongsi Kanan, Dinar Standard, Republik Indonesia, Afdhal Aliasar; serta pakar dan pengamal lain yang terkemuka.

BILIF sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

ANTARA yang berucap di persidangan tersebut.

>> Muka 1

BIE-CON 2026 merupakan antara acara yang dianjurkan oleh BILIF bagi menyokong Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2026 (MYCE 2026)) yang dianjurkan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Persidangan berkenaan juga menandakan penyertaan BILIF untuk tahun keenam berturut-turut dalam MYCE sejak 2021.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan

KKBS bertahlil di Kubah Makam Diraja



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa) tahun ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hari ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Majlis berkenaan adalah

khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan



Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamsyah bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Masjid, Masjid Kampung Bengkurong, Awang Mohammad Zahid Zakwan@Mohammad Thaib Hasbullah bin Mohd. Said.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, ketua-ketua persatuan, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta, para penulis serta pencinta bahasa

dan sastera tanah air.

Acara kemuncak Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan DBP) dengan tema 'Bahasa Jiwa Bangsa' akan berlangsung pada Selasa, 21 Muharam 1448 Hijrah bersamaan 7 Julai 2026 Masihi di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Doa Kesyukuran sempena ulang tahun perasmian Masjid Ar-Rahman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) selaku Penaung Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut turut hadir pada majlis berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut

TANJUNG BUNUT, Jumaat, 26 Jun. - Sempena memperingati ulang tahun perasmian Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran pada malam Khamis, 10 Muharam 1448 Hijrah, bersamaan 25 Jun 2026.

Majlis berkenaan merupakan acara tahunan yang diadakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut sebagai tanda kesyukuran atas perasmian masjid berkenaan.

Acara berkenaan lazimnya diadakan pada malam Jumaat pertama selepas 4 Muharam setiap tahun Hijrah.

Pada tahun ini, genap lapan tahun Hijrah sejak Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut dirasmikan pada Jumaat, 4 Muharam 1440H bersamaan 14 September 2018M.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Penaung Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut.

STAKA WADAH PENDIDIKAN AWAL TILAWAH AL-QURAN

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS hari ini melakar sejarah dengan memperkenalkan wadah pendidikan awal dalam bidang tilawah Al-Quran yang dikenali sebagai Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA) bermula awal tahun ini.

Antara matlamat STAKA diwujudkan adalah bagi memberikan latihan dan bimbingan awal kepada pelajar-pelajarnya berkaitan ilmu tilawah Al-Quran, dikir dan tausyeh, di samping memupuk minat kecintaan terhadap Al-Quran sejak usia kanak-kanak, sekali gus mencungkil dan melahirkan bakat-bakat berpotensi sebagai pelapis qari dan qariah negara pada masa hadapan.

Seramai 125 orang pelajar yang terdiri daripada 42 orang kanak-kanak lelaki dan 83 orang kanak-kanak perempuan telah menyertai Skim Tilawah Al-Quran yang julung-julung kalinya dibukakan ini.

Sehubungan dengan itu, Majlis Doa Kesyukuran Sempena Penubuhan STAKA diadakan pagi tadi bertempat di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, di sini.

Majlis diserikan dengan kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ke acara tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; serta pegawai-pegawai kanan KHEU lainnya.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar-pelajar STAKA, diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Bersama Majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Acara turut diisikan dengan

tayangan video, penyampaian sijil kepada tenaga pengajar STAKA, bacaan Doa Kesyukuran, dan lawatan tinjauan pengajaran dan pembelajaran Skim Tilawah Al-Quran di kelas-kelas.

STAKA merupakan inisiatif JPI, KHEU dengan kerjasama Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU bagi melahirkan lebih ramai pelapis qari dan qariah di negara ini.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa membuat tinjauan pengajaran dan pembelajaran Skim Tilawah Al-Quran di kelas-kelas. Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU.



ACARA dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar-pelajar STAKA.

Kementerian Pertahanan terima lawatan pengenalan



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha ketika memeriksa barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

BOLKIAH GARISON, Khamis, 25 Jun. - Kementerian Pertahanan telah menerima lawatan pengenalan daripada Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha, hari ini. Sejurus ketibaan di Kementerian Pertahanan, Tuan Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha telah disambut

oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan menerima Tabik Hormat Panglima daripada Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Sejurus selesai memeriksa Kawalan Kehormatan, TYT Jeneral Ukris Boontanondha telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemerintah ABDB. Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pemimpin menegaskan komitmen untuk mengekalkan kerjasama ketenteraan yang konsisten dan berterusan antara kedua-dua Angkatan Tentera serta mengukuhkan lagi hubungan pertahanan yang sedia ada.

Seterusnya, TYT Jeneral Ukris Boontanondha juga telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Dalam pertemuan tersebut,

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TUAN Yang Terutama Jeneral Ukris Boontanondha semasa menerima Tabik Hormat Panglima TDDB.

kedua-dua pihak telah mengesahkan komitmen berterusan mereka bagi memperkukuhkan hubungan pertahanan dan ketenteraan dua hala.

Selain itu, kedua-dua pihak turut menyatakan hasrat untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan melalui pelbagai

platform dua hala dan pelbagai hala, serta meneroka peluang-peluang baharu untuk memperluaskan bidang kerjasama pada masa hadapan.

TYT Jeneral Ukris Boontanondha berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Rasmi dari 25 Jun 2026 hingga 27 Jun 2026.

MEMPERKUKUH EKOSISTEM BIMBINGAN HAJI, UMRAH DI NBD

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Menjelang Wawasan Brunei 2035, peranan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) perlu terus diperkasa. Wawasan Brunei 2035 menghendaki lahirnya rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, berjaya, mempunyai kualiti kehidupan yang baik serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Dalam kerangka itu, KUPU SB mempunyai peranan yang sangat penting kerana KUPU SB bukan sahaja perlu melahirkan guru ugama, tetapi juga tenaga profesional keagamaan yang mampu menyumbang dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat. Ia adalah peluasan yang munasabah daripada amanah KUPU SB sebagai institusi perguruan ugama yang perlu responsif kepada keperluan semasa masyarakat dan negara.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan berucap sedemikian pada Majlis Penyampaian Sijil Tamat Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) yang berlangsung di Dewan Ta'lim, KUPU SB, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan majlis ini adalah salah satu langkah penting dalam memperkukuh ekosistem bimbingan haji dan umrah di Negara Brunei Darussalam (NBD). Ia juga mencerminkan kesungguhan KUPU SB dalam melahirkan pembimbing ibadah yang berilmu, berkemahiran, beradab, berintegriti dan berwibawa.

Ibadah haji dan umrah, tegas Yang Berhormat, bukan hanya

perjalanan fizikal menuju Tanah Suci namun ia adalah perjalanan imam, perjalanan ilmu, perjalanan pengorbanan dan perjalanan penyucian diri. Oleh itu, tambah Yang Berhormat lagi, jemaah yang menunaikan haji dan umrah memerlukan bimbingan yang sahih, tertib, mudah difahami dan berpaksikan hukum syarak.

"Program SP-PHU ini amat bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen Ke-14 KUPU SB pada 21 November 2024.

"Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, mengandungi beberapa isyarat penting kepada KUPU SB. Antaranya, KUPU SB hendaklah terus berperanan melahirkan guru-guru ugama yang terlatih, sebagai tonggak pembentukan akhlak dan pembekal ilmu kepada anak bangsa; Program-program KUPU SB hendaklah sentiasa dinilai dan diperbaharui supaya kekal relevan dengan keperluan negara, khususnya dalam bidang pendidikan Islam dan khidmat keagamaan; KUPU SB hendaklah menghasilkan graduan dan tenaga profesional yang bukan sahaja berilmu, tetapi mampu menyumbang kepada masyarakat dan bersaing dalam keperluan semasa; KUPU SB hendaklah menjadi pelopor dalam memperkasa pendidikan ugama dan peneraju kepada dasar pendidikan patuh syarak dan KUPU SB juga diberi ruang untuk memantau, menilai dan memberi pandangan terhadap amalan atau strategi pendidikan yang memerlukan pembaikan dari sudut hukum dan kemasyarakatan, melalui saluran institusi yang teratur," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, ini

adalah mandat yang besar, maka, KUPU SB tidak boleh hanya dilihat sebagai institusi yang melahirkan graduan semata-mata namun hendaklah menjadi institusi ilmu yang hidup, berfungsi dan menyumbang langsung kepada keperluan negara.

Dalam konteks ini, terang Yang Berhormat, program ini adalah satu terjemahan praktikal kepada titah tersebut dan ia memperluaskan peranan KUPU SB daripada pendidikan formal kepada latihan profesional dan bimbingan masyarakat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah itu adalah contoh yang baik dan ia menunjukkan bahawa ilmu ugama bukan hanya diajar, tetapi diterjemahkan menjadi khidmat. Ia bukan hanya dibaca dalam kitab, tetapi dipandu dalam perjalanan ibadah.

Yang Berhormat mengambil maklum bahawa program ini telah dilaksanakan selama 14 minggu dan ini menunjukkan bahawa program ini bukan sekadar kursus jangka pendek biasa, tetapi satu latihan profesional yang menekankan disiplin ilmu, ketekalan, kesungguhan dan kualiti.

Yang Berhormat seterusnya menekankan pembimbing haji dan umrah hendaklah dimartabatkan sebagai bidang kepakaran profesional. Pembimbing bukan hanya pengiring atau penyampai maklumat namun ia merupakan rujukan ibadah, pendamping jemaah, penasihat amali dan contoh akhlak. Maka, latihan, penilaian dan pengiktirafan yang tersusun hendaklah terus diperkukuh.

Seterusnya Yang Berhormat menambah, bimbingan haji dan umrah di negara ini perlu mempunyai piawaian yang jelas dan tersusun. Piawaian itu hendaklah meliputi ilmu manasik,

fiqh Mazhab Syafi'i sebagai pegangan rasmi negara, pendedahan terkawal kepada pandangan mazhab muktabar, etika pembimbing, komunikasi, pengurusan jemaah, kesihatan asas, keselamatan dan keperluan semasa.

Terang Yang Berhormat lagi, Kerjasama antara institusi hendaklah terus diperkukuh. Pengurusan haji dan umrah bukan urusan satu pihak sahaja. Ia melibatkan Jabatan Urusan Haji, Jabatan Mufti Kerajaan, Majlis Ugama Islam Brunei, KUPU SB, Pusat Promosi Kesihatan, agensi operator haji dan umrah serta pinak-pihak berkepentingan yang lain. Setiap pihak mempunyai peranan masing-masing dalam memastikan jemaah menerima bimbingan dan perkhidmatan yang terbaik.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan pembimbing haji dan umrah hendaklah dipersiapkan dengan realiti semasa pengurusan haji moden. Kongsinya, pengalaman menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji dan Simposium Haji Perdana di Jeddah (dan terakhir pada 20 Mei 2026 yang lalu) memberi isyarat bahawa pengurusan haji masa kini semakin tersusun, bersepadu dan berasaskan ilmu, teknologi serta perancangan awal.

Realiti ini menuntut pembimbing memahami bukan sahaja hukum dan manasik, tetapi juga disiplin jemaah, keselamatan, kesihatan, pengurusan risiko, penggunaan teknologi, peraturan rasmi serta kepentingan mematuhi arahan pihak berkuasa haji.

Program ini jelas Yang Berhormat hendaklah menjadi permulaan kepada pembangunan profesional berterusan. Sijil yang diterima pada hari ini bukan pengakhiran tugas, tetapi permulaan amanah. Selepas ini, pembimbing hendaklah terus



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap.

meningkatkan ilmu, mengikuti latihan penyegaran, memperbaiki kemahiran dan menilai pengalaman sebenar di lapangan.

"Dalam memperkukuh program ini, kita juga wajar mengambil iktibar daripada amalan baik di rantau ini. Oleh itu, peramba / saya melihat Program SP-PHU ini sebagai satu permulaan yang baik bagi NBD.

"Ia hendaklah terus diperkukuh sehingga mampu menjadi asas kepada pembentukan piawaian nasional pembimbing haji dan umrah, dengan mengambil kira pegangan Mazhab Syafi'i, keputusan pihak berkuasa ugama, keperluan operasi haji, kesihatan dan keselamatan jemaah, perkembangan teknologi serta perubahan semasa pengurusan haji dan umrah," ujar Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat, usaha ini hendaklah dibuat secara teratur melalui penyelarasan dengan pihak-pihak berkuasa dan agensi-agensi berkaitan. Apa-apa bentuk pengiktirafan atau piawaian rasmi, hendaklah disusun dengan jelas supaya kedudukan pembimbing, operator dan pihak berkuasa tidak bercampur aduk, bahkan saling melengkapi, jelas Yang Berhormat.

Peserta Program SP-PHU terima sijil



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Sijil Tamat Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Dalam usaha proaktif ke arah melahirkan Pegawai Pengiring atau Pembimbing Haji dan Umrah yang profesional, berpengetahuan dan berdedikasi tinggi, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi buat julung-julung kalinya mengunyahkan Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU).

Sehubungan itu, seramai 19 peserta program pengambilan pertama diraikan pagi tadi dengan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Program yang berlangsung di

Dewan Ta'lim, KUPU SB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta dan juga fasilitator.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pegawai-pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai utama KUPU SB, Operator-operator Perkhidmatan Pakej Haji dan Umrah serta para fasilitator dan peserta program yang diraikan.

Ra'ES KUPU SB, Profesor

Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan Program SP-PHU merupakan salah satu inisiatif strategik KUPU SB dalam memperkukuhkan ekosistem latihan dan pembangunan kompetensi bagi para pembimbing haji dan umrah di negara ini.

Pengambilan pertama program itu terangnya, telah bermula pada bulan Ogos 2025 dan pengambilan kedua telah dibuat pada bulan Januari 2026 di mana para peserta pada masa ini sedang mengikuti kursus latihan selama 14 minggu secara intensif.

Di samping itu, beliau juga

menjelaskan, bagi memastikan standard kualiti yang tinggi, program tersebut turut mengamalkan skim penilaian yang ketat dengan menetapkan markah lulus minimum sebanyak 85 peratus bagi setiap modul dan markah purata lulus 85 peratus.

Ketetapan itu katanya lagi, mencerminkan komitmen KUPU SB untuk melahirkan pembimbing yang bukan sahaja memiliki ilmu yang mantap, malah benar-benar kompeten dan bersedia untuk memikul amanah membimbing para *dhu'yufurrahman* dengan penuh tanggungjawab dan profesional.

Pada majlis itu, turut diselajarkan dengan pelancaran Buku Panduan Pembimbing Haji dan Umrah. Penerbitan buku ini amat bertepatan sebagai bahan rujukan asas untuk menyelaraskan kefahaman, pendekatan dan amalan bimbingan haji dan umrah.

Dengan adanya buku panduan ini, kita melangkah setapak lebih dekat ke arah melahirkan jemaah yang celik ilmu, celik teknologi dan celik rohani demi menjadikan ibadah haji dan umrah sebagai pengalaman yang sempurna dan penuh keberkatan.

Sehubungan itu, program berkenaan mengetengahkan tujuh modul, antaranya, Pengenalan Urusan Haji dan Umrah di Negara Brunei Darussalam; Panduan Lengkap Manasik Haji dan Umrah; Komunikasi Dakwah Berkesan dalam Bimbingan Haji dan Umrah;

Panduan Mekah dan Madinah : Dimensi Sejarah, Geografi dan Nilai Ibadah; Kemahiran Berkomunikasi Berkesan; Fatwa dan Isu Semasa Manasik Haji dan Umrah serta Bimbingan Psikologi Pertolongan Cemas dan Kesihatan Jemaah.

Dikendalikan oleh fasilitator dari KUPU SB dan agensi yang berkenaan, program ini antara lain bertujuan untuk membekalkan para peserta dengan kemahiran teknikal, pengetahuan syariah dan etika kerja yang berintegriti.

Di samping itu, ia juga diharap dapat memenuhi keperluan industri haji dan umrah yang semakin kompleks, sekali gus menjadi wadah dan mekanisme terbaik ke arah perkhidmatan haji dan umrah yang berkualiti dan bersifat holistik.



RA'ES KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani ketika berucap.

CIPTA CETUS IDEA KREATIF, PENEROKAAN INOVASI

>> Muka 1

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Majlis Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada Majlis Pelancaran Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027 (Crown Prince CIPTA Award 2027) berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pagi tadi.

"Aspirasi yang terkandung dalam CIPTA amat selaras dengan Wawasan Brunei 2035, yang berhasrat menjadikan sebuah negara yang diiktiraf kerana rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, mempunyai kualiti hidup yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan kepentingan pembangunan modal insan yang berkebolehan serta penerapan inovasi bagi memastikan negara terus berdaya tahan dan makmur dalam dunia yang semakin kompetitif," ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Semasa Majlis Konvokesyen UTB Ke-10 pada tahun 2022, jelas Yang Berhormat, UTB turut menekankan kepentingan memanfaatkan hasil penyelidikan kepada paten dan produk yang dikomersialkan sebagai satu cara untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Baru-baru ini, dalam titah sempena Hari Guru 2025 tambah Yang Berhormat lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

mengetengahkan tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', yang menekankan peranan penting para pendidik dalam memupuk inovasi serta membimbing generasi masa hadapan ke arah masa depan yang mampan dan berdaya tahan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, aspirasi ini amat bertepatan dengan objektif CIPTA yang bukan sahaja bertujuan untuk menginspirasi kreativiti dan inovasi, malah menggalakkan pembangunan penyelesaian berimpak tinggi yang berpotensi menjana nilai ekonomi serta menyumbang kepada kemajuan mampan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau ini.

Tambah Yang Berhormat lagi, kita menyedari bahawa usaha untuk menghasilkan idea-idea baharu dengan sumber yang tersedia sering menjadi satu

proses yang mencabar dan memerlukan usaha dan penambahbaikan yang berterusan serta ketabahan untuk mengatasi pelbagai rintangan.

Namun demikian, jelas Yang Berhormat, cabaran inilah yang menjadikan hasil akhirnya begitu bermakna dan memuaskan. Tiada yang lebih bermakna daripada menyaksikan cetusan imaginasi berkembang menjadi satu penyelesaian nyata yang mampu meningkatkan kualiti kehidupan serta memacu kemajuan masyarakat.

"Inovasi tidak berlaku secara bersendirian. Ia berkembang melalui kerjasama dan usaha kolektif kerajaan, institusi akademik, industri serta masyarakat. Oleh itu, saya menggalakkan penguatan kerjasama antara semua pihak berkepentingan, sama ada di dalam Negara Brunei Darussalam mahupun di seluruh rantau ASEAN, bagi terus memperkukuh ekosistem inovasi," ujar Yang Berhormat.

Dengan bekerjasama dan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada Majlis Pelancaran Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027.

memanfaatkan kekuatan yang kita miliki secara bersama tambah Yang Berhormat, kita mampu menghasilkan penyelesaian yang bukan sahaja menangani cabaran semasa, malah membentuk masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027 dilancarkan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis Universiti Teknologi Brunei (UTB), hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengerusi Majlis UTB; dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027 (Crown Prince CIPTA Award 2027) yang berprestij dilancarkan secara rasmi pagi tadi pada majlis yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

CIPTA 2027 merupakan edisi ke-11 pertandingan dwitahunan yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan kerjasama penaja tunggal, Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang

Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Majlis UTB.

Mengalu-alukan ketibaan tetamu kehormat ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif CIPTA 2027 dan Pengurus Kewangan Brunei LNG, Dayang Hajah Melissa binti Haji Zainal Abidin yang mewakili Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksekutif CIPTA 2027.

Sementara itu, Naib Canselor UTB dalam ucapannya



menjelaskan, Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota merupakan satu platform penting yang diwujudkan bersama oleh UTB dan Brunei LNG bagi menginspirasi kreativiti, memupuk inovasi serta menjalin hubungan antara idea dan peluang.

Menurutnya, anugerah ini memberi peluang kepada pelajar, penyelidik, usahawan dan inovator untuk mempamerkan penyelesaian yang menangani cabaran semasa dan menyumbang kepada kemajuan masyarakat.

>> Muka 11



PENOLONG Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa semasa menyampaikan Keynote Lecture (atas). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Memupuk kreativiti, inovasi dalam kalangan generasi muda

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - Selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan dipacu inovasi, CIPTA 2027 menyediakan platform bagi pencipta, penyelidik, usahawan dan pelajar untuk berhubung, bekerjasama serta mempamerkan idea-idea inovatif.

Melalui perkongsian kepakaran dan dorongan inovasi, CIPTA terus memupuk penyelesaian yang melangkaui jangkaan dan menyumbang kepada kemajuan mampan.

CIPTA 2027 mengalu-alukan penyertaan pemikir inovatif dari NBD dan rantau ASEAN untuk bersama-sama menjayakan tema 'Bridge. Innovate. Beyond'. Bersama-sama, kita membina jaringan, mencetuskan kreativiti dan melangkaui batas inovasi ke arah masa depan yang penuh peluang serta transformatif.

Pertandingan ini merangkumi tiga kategori utama iaitu Kategori Tempatan, Pertandingan Smart Junior dan Kategori ASEAN. Kategori Tempatan merangkumi dua subkategori iaitu Kategori Inovasi dan Ciptaan Baharu serta Kategori Pencipta Muda.

Pertandingan Smart Junior terbuka kepada pelajar sekolah NBD dari peringkat menengah rendah atau setaraf iaitu Tahun 7 hingga Tahun 9.

Peserta dikehendaki membentangkan idea inovatif bagi produk atau proses teknologi baharu, atau pengubahsuaian produk, proses atau teknologi sedia ada dalam bentuk laporan dan pembentangan. Objektif pertandingan ini adalah untuk menggalakkan dan memupuk kreativiti dan inovasi dalam kalangan generasi muda.

Kategori ASEAN pula merangkumi Kategori Inovasi dan Ciptaan Baharu serta Kategori Pencipta Muda.

Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan keaslian dan kreativiti, kesesuaian dengan tema, tahap kesiapsiagaan teknologi (*technology readiness level*) serta aspek reka bentuk sosial, ekonomi dan kelestarian.

Penilaian akan dijalankan dalam dua peringkat iaitu Penilaian Awal dan Penilaian Akhir yang merangkumi laporan, pembentangan serta demonstrasi produk. Penyertaan dengan tiga markah tertinggi akan menerima hadiah wang tunai, trofi dan sijil. Ini diikuti dengan markah ke-4 dan ke-5 tertinggi akan menerima penghargaan khas.

Sementara itu, Anugerah Khas Tenaga Mampan pula mengiktiraf dan mempromosikan inovasi dalam projek berkaitan tenaga mampan. Anugerah ini diberikan kepada projek dengan markah tertinggi dalam setiap kategori.

Manakala Pemenang Kategori Inovasi dan Ciptaan Baharu bagi Kategori Tempatan dan Kategori ASEAN layak bersaing bagi merebut Anugerah Khas CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota yang menawarkan tambahan hadiah wang tunai BND8,000 serta sebuah trofi.

Pertandingan ini merangkumi semua bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Ia terbuka kepada sekolah, institusi teknikal dan pengajian tinggi, organisasi kerajaan dan swasta serta orang awam.

Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027 merupakan kolaborasi signifikan antara Universiti Teknologi Brunei dan Brunei LNG dalam memupuk budaya inovasi dan kemajuan teknologi di negara ini.

CIPTA 2027 terus mengalu-alukan penyertaan minda inovatif dari NBD dan ASEAN untuk mempamerkan idea mereka bagi masa depan yang mampan. CIPTA kekal komited dalam memberi inspirasi dan memperkasa individu untuk mewujudkan dunia yang lebih hijau dan mampan.

PLATFORM PERDAGANGAN UTAMA NEGARA MENGHUBUNGKAN PELBAGAI SEKTOR PERNIAGAAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. – Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-33 (CFTE33) anjuran D'Sunlit Sdn. Bhd. telah dirasmikan hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Pameran berkenaan terus berperanan sebagai platform perdagangan utama negara yang menghubungkan pelbagai sektor perniagaan melalui perkongsian ilmu, kerjasama serantau serta penglibatan orang ramai, di samping menggalakkan pertumbuhan perniagaan dan peluang perdagangan rentas sempadan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sejak diperkenalkan, CFTE telah berkembang sebagai platform yang menghimpunkan perusahaan daripada pelbagai skala, termasuk

syarikat yang telah lama bertapak serta perniagaan baharu yang sedang berkembang.

Penyertaan komuniti perniagaan yang pelbagai berkenaan mencerminkan keluasan sektor perusahaan di negara ini, sekali gus membuka ruang kepada kerjasama, jaringan perniagaan dan pertumbuhan yang mampan.

Majlis Pembukaan Rasmi dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sdn. Bhd., Ting Chui San yang antara lain menjelaskan mengenai tema tahun ini, iaitu 'Multiply the Moment', yang menggalakkan para pamer, rakan strategik dan pengunjung untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang tersedia sepanjang pameran berlangsung melalui pembinaan hubungan

baharu, penerokaan idea-idea inovatif serta penglibatan yang bermakna.

Beliau turut menekankan bahawa nilai sebenar platform seperti berkenaan bukan sahaja terletak pada hasil yang dirancang, malah pada peluang dan hubungan yang terjalin secara tidak dijangka yang berpotensi memberi impak berpanjangan serta menyumbang kepada pertumbuhan masa hadapan.

Majlis diteruskan dengan perasmian CFTE33 oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Acara turut menyaksikan perasmian Brunei Darussalam Wood Product Expo yang dianjurkan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) serta Thailand Grand Fair, sebelum diteruskan dengan lawatan ke ruang-ruang pameran dan reruai yang mengambil bahagian.

Antara tarikan utama CFTE33 ialah Brunei Local MSMEs Pavilion yang dianjurkan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), yang menampilkan keupayaan, inovasi dan kecemerlangan keusahawanan perusahaan tempatan.

Turut diketengahkan ialah Brunei Darussalam Wood Product Expo, yang mempamerkan perkembangan industri berasaskan kayu dan hasil hutan, sekali gus menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara.

Penyertaan antarabangsa pula diperkukuh melalui penglibatan



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa menyempurnakan perasmian CFTE33 (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara vendor yang menyertai CFTE33.

Mega India Expo, Halal Philippines Pavilion, Department of Industrial Development and Research Sabah (DIDR) serta Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC).

Penyertaan berkenaan mengukuhkan lagi peranan CFTE33 sebagai platform kerjasama serantau yang menggalakkan pertukaran pengetahuan, jaringan industri dan peluang komersial antara pelbagai pihak berkepentingan di seluruh rantau ini.

Salah satu tarikan utama pameran ialah Cabutan Bertuah

Utama (Grand Lucky Draw) yang menawarkan peluang kepada pengunjung untuk memenangi sebuah Toyota Corolla Altis baharu yang ditaja oleh NBT (Brunei) Sdn. Bhd., pengedar sah kenderaan Toyota di NBD.

CFTE33 berlangsung selama lima hari bermula 24 hingga 28 Jun 2026 di ICC, Berakas.

Sepanjang pengaturannya, pelbagai pameran, promosi, sesi jaringan perniagaan dan pameran khas yang melibatkan peserta tempatan serta antarabangsa akan diadakan.



The Halal Philippines Pavilion : Ketengahkan produk halal Republik Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. – Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas hari ini menyaksikan perasmian The Halal Philippines Pavilion bersempena Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-33 (CFTE33) anjuran D'Sunlit Sdn. Bhd.

Ia merupakan platform rasmi bagi mempamerkan produk halal dan mesra halal dari Republik Filipina kepada pengguna serta rakan perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis Perasmian Pavilion berkenaan disempurnakan oleh

Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.

Turut hadir, Commercial Counsellor of the Philippine Trade and Investment Center-Kuala Lumpur, Norjain G. Delos Reyes; serta Agricultural Attaché of the Office of the Agriculture Attaché, Embassy of the Philippines in Bangkok, Analyn Lopez-Jamora.

Puan Yang Terutama Marian

Jocelyn R. Tirol-Ignacio dalam ucapannya mengalu-alukan kehadiran para tetamu ke Halal Philippines Pavilion dan menegaskan bahawa pavilion berkenaan berperanan sebagai platform bagi mengukuhkan dialog, kerjasama serta jaringan perdagangan antara syarikat-syarikat Republik Filipina dan rakan niaga di NBD.

Puan Yang Terutama turut mengiktiraf kepakaran NBD dalam industri halal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta menekankan kepentingan kerjasama berterusan dalam mewujudkan pasaran serantau yang lebih berhubung dan makmur.

The Halal Philippines Pavilion menampilkan pelbagai produk eksport berkualiti tinggi dari Republik Filipina, termasuk coklat premium, kopi istimewa, buah-buahan tropika, makanan ringan inovatif, produk berasaskan kelapa, suplemen kesihatan, produk koko, makanan berasaskan buah-buahan serta pelbagai produk makanan dan gaya hidup lain.

Antara syarikat Republik Filipina yang mengambil bahagian ialah AG Pacific Nutraceuticals Corporation, Kang Kong King, Propack Asia Corporation, Immuni Global Incorporated, Theo & Philo, Eng Seng Food Products, Gabriel Fruit Processing and Production,



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri ketika menyempurnakan perasmian The Halal Philippines Pavilion (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara syarikat Republik Filipina yang mengambil bahagian pada Pavilion berkenaan (bawah kiri).

Dalangdang Creek Farms dan SJC Food Products.

Sepanjang pameran yang berlangsung selama lima hari bermula 24 hingga 28 Jun 2026, para pengunjung berpeluang mencuba pelbagai produk terpilih, berinteraksi secara langsung dengan pengeluar dari Republik Filipina serta meneroka peluang perniagaan dan produk baharu dari negara berkenaan.

Selain itu, pavilion berkenaan turut menjadi medan bagi sesi padanan perniagaan, jaringan kerjasama serta perbincangan bersama bakal pembeli, peruncit, pengedar dan pengimport.

Halal Philippines Pavilion

merupakan inisiatif bersama Department of Trade and Industry-Export Marketing Bureau, Department of Agriculture, Office of the Agriculture Attaché of the Embassy of the Philippines in Bangkok, Philippine Trade and Investment Center-Kuala Lumpur; serta Kedutaan Republik Filipina di NBD.

Kedutaan Republik Filipina turut mengalu-alukan kehadiran para pengguna, peruncit, pengedar, penggemar makanan dan orang ramai untuk mengunjungi Halal Philippines Pavilion di CFTE33 bagi menikmati sendiri kualiti, cita rasa dan inovasi produk-produk Republik Filipina.



PELANCARAN FIRST SMART OYSTER HATCHERY DI NBD



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut, di mana lebih 60 peserta yang terdiri daripada rakan projek, pihak berkepentingan, pasukan teknikal, wakil kerajaan, penyelidik dan rakan komuniti turut hadir.

SERASA, Rabu, 24 Jun. - Poni Group, hab inovasinya ASTARI dan Clean Valley CIC, hari ini melancarkan First Smart Oyster Hatchery di Negara Brunei Darussalam (NBD), menandakan satu langkah besar dalam pembangunan sektor akuakultur mampan, bioteknologi marin, pemulihan ekosistem sungai dan industri ekonomi biru yang bakal menjadi pemacu pertumbuhan masa depan NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab. Lebih 60 peserta yang terdiri daripada rakan projek, pihak berkepentingan, pasukan teknikal, wakil kerajaan, penyelidik dan rakan komuniti hadir pada majlis tersebut.

Smart Oyster Hatchery dilancarkan melalui Sunda Futures, sebuah syarikat usaha sama yang melibatkan Poni Group, hab inovasinya ASTARI serta Clean Valley CIC, sebuah syarikat Kanada yang berpengalaman dalam bidang bioteknologi alam sekitar dan penyelesaian akuakultur mampan.

Kemudahan ini memanfaatkan teknologi Neptune Hatchery yang dibangunkan oleh Clean Valley

CIC iaitu sistem penetasan pintar yang modular dan berasaskan kontena, direka untuk meningkatkan kebolehpasaran, kebolehkalaan dan kecekapan kos dalam pengeluaran benih tiram.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group dan ASTARI, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa pusat penetasan tersebut mewakili satu lagi aspek usaha Poni Group selain daripada penganjuran Ocean Week Brunei serta program pemuliharaan dan pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh Poni Foundation.

Melalui Poni Marine, kumpulan itu menyokong industri marin dan akuakultur dengan menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan pembinaan, manakala ASTARI meneroka bagaimana teknologi, Kecerdasan Buatan (AI) dan kerjasama antarabangsa dapat membantu mewujudkan peluang baharu untuk NBD.

Beliau turut berkongsi bahawa projek ini bermula tiga tahun lalu melalui perbincangan mengenai inovasi dalam bidang akuakultur. Salah satu perbincangan tersebut telah menghubungkan Poni Group dengan Nick dari Clean Valley CIC

di Kanada, di mana tempat Awang Mohd. Tahsin pernah melanjutkan pengajian dan bekerja selama lebih lapan tahun.

Melalui Duta Misi Kanada ke ASEAN, Ambra Dickie, kedua-dua pihak diperkenalkan dan mula berbincang tentang bagaimana penyelesaian ekonomi biru yang dibangunkan di Kanada dapat menyokong NBD serta pasaran ASEAN secara lebih meluas.

Perbincangan awal tertumpu kepada teknologi *biofilter* alga sebelum diperluaskan kepada sistem penetasan tiram dan akuakultur mampan. Semasa Ocean Week Brunei 2025, Clean Valley CIC telah menyertai Persidangan Kelestarian Lautan, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Poni Group dan menjadi penceramah utama pada Forum Belia Future Ocean Changemakers.

Awang Mohd. Tahsin seterusnya berkata, pusat penetasan tersebut melambangkan pembangunan keupayaan, pemindahan teknologi, peluang eksport dan kerjasama antarabangsa.

Beliau menambah bahawa bagi ASTARI, matlamatnya bukan sekadar mengimport teknologi, tetapi untuk memahaminya, menambah baik dan akhirnya membangunkan penyelesaian serta harta intelek milik NBD sendiri.

Pada peringkat awal, pusat penetasan itu akan memberi tumpuan kepada pengeluaran benih tiram (*oyster spat*). Benih tiram merujuk kepada tiram muda yang boleh dibesarkan di ladang, tapak semaian atau sistem pemulihan ekosistem.

Setelah beroperasi sepenuhnya, pusat penetasan ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada benih tiram import, menyokong pembangunan industri tiram tempatan dan menjadi asas kepada penghasilan produk tiram bakau komersial pertama NBD.

Selain tiram, teknologi pusat penetasan ini berpotensi disesuaikan untuk spesies marin dan ekosistem lain, termasuk udang kara, rumpai laut, kerang,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

kupang serta projek pemulihan yang berkaitan dengan padang lamun. Ini menjadikan kemudahan tersebut berperanan lebih luas sebagai platform inovasi akuakultur, bioteknologi marin dan projek pemulihan pesisir pantai pada masa hadapan.

Menurut Poni Group, pusat penetasan ini penting kerana ia berpotensi membangunkan keseluruhan ekosistem industri tiram di NBD. Ini termasuk melahirkan pengendali pusat penetasan, penternak, juruteknik, penyelidik, pengusaha restoran, pengendali pelancongan, pembangun produk, pekerja komuniti serta mewujudkan peluang eksport.

Projek ini melihat tiram bukan sekadar sebagai makanan laut, tetapi sebagai sebahagian daripada sistem yang lebih luas yang mampu menyokong kualiti air, peluang pekerjaan, eksport, pelancongan, penyelidikan dan industri masa hadapan.

Pusat penetasan tersebut juga akan menyokong Warisan Oyster Project yang merupakan sebahagian daripada inisiatif River Kitani. Warisan Oyster Project ialah program selama 10 tahun yang memberi tumpuan kepada pemulihan sungai, peningkatan mata pencarian komuniti, pembangunan ekonomi biru, pemantauan alam sekitar dan kredit pengimbangan masa depan.

Projek ini bertujuan memanfaatkan tiram, struktur terumbu, bakau dan sistem pemantauan untuk meningkatkan kesihatan sungai serta mewujudkan peluang ekonomi jangka panjang kepada komuniti, bermula di Kampung Bolkiah dan kawasan sungai sekitarnya. Melalui pusat penetasan ini, larva dan benih tiram boleh dihasilkan untuk ditempatkan dalam struktur bebola terumbu tiram, tapak semaian, ladang tiram dan kawasan pemulihan.

Dalam Warisan Oyster Project, tiram-tiram ini dijangka membantu menapis air, memperbaiki keadaan



KETUA Pegawai Eksekutif Poni Group dan ASTARI, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

sungai, menyokong habitat ikan serta membuka peluang kepada penduduk tempatan melalui aktiviti pengumpulan cangkang, pemantauan, kerja pemasangan, ekopelancongan, akuakultur dan perniagaan berasaskan komuniti.

Pusat penetasan pintar ini juga menyokong hala tuju ekonomi biru NBD dengan menghubungkan teknologi, akuakultur, pemuliharaan, mata pencarian komuniti dan potensi eksport. Ia menunjukkan bagaimana sebuah negara kecil seperti NBD boleh menguji sistem praktikal yang berpotensi diperluaskan ke seluruh ASEAN dan pasaran pesisir pantai lain pada masa hadapan.

Dengan pelancaran rasmi dan pembukaan kemudahan yang dijadualkan pada penghujung tahun 2026, projek ini dijangka beralih daripada fasa demonstrasi kepada pengeluaran, pengujian, latihan dan pengembangan komersial.

Visi jangka panjang projek ini adalah untuk meletakkan NBD bukan sahaja sebagai pengguna teknologi akuakultur mampan, tetapi juga sebagai pembangun, pengendali dan pengeksport penyelesaian pintar ekonomi biru untuk rantau ini.

Kongsi amalan terbaik tangani isu penyalahgunaan dadah



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir menyertai Mesyuarat Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN mengenai dadah berbahaya Kali Ke-9 secara dalam talian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam telah menyertai Mesyuarat Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) mengenai dadah berbahaya, AIPA Advisory Council on Dangerous Drugs (AIPACODD) Kali Ke-9 secara dalam talian pada hari ini.

Mesyuarat yang bertemakan 'Strengthening ASEAN Parliamentary Cooperation to Respond to the Convergence of Drug Trafficking and Related Crimes' tersebut dianjurkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Filipina (House of Representatives of the Republic of the Philippines) dan telah melibatkan sesi perbincangan berkaitan usaha untuk meningkatkan kesepakatan

antara Negara-negara ASEAN dalam menangani ancaman rentas sempadan membanteras pengedaran dadah serta jenayah berkaitan.

Pada mesyuarat berkenaan, perwakilan MMN mengongsikan laporan berkenaan situasi dadah di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan usaha-usaha dalam menangani isu penyalahgunaan dadah.

Ahli-ahli MMN juga telah berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan dan amalan terbaik berkaitan cabaran-cabaran di rantau ini yang telah dibentangkan oleh perwakilan United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan ASEAN Senior Officials on Drugs Matters (ASOD), serta agensi kesihatan Republik Filipina.

Mesyuarat AIPACODD Ke-9 menimbangkan draf resolusi bertajuk 'Strengthening ASEAN Parliamentary Cooperation to Respond to the Convergence of Drug Trafficking and Related Crimes' yang telah dipersetujui untuk dibentangkan semasa Perhimpunan Agung Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-47 nanti.

MEMACU TRANSFORMASI DIGITAL PENDIDIKAN TINGGI ASEAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri selaku tetamu kehormat hadir merasmikan mesyuarat berkenaan.

TUNGKU LINK, Khamis, 25 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Mesyuarat Tahunan Rangkaian Tematik ASEAN University Network - Digital Transformation (AUN Dx) Ke-2, mesyuarat berlangsung selama dua hari iaitu 25 hingga 26 Jun 2026, di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD, di sini, menghimpunkan wakil daripada universiti ahli AUN Dx untuk

memajukan kerjasama serantau dalam pengurusan ICT, transformasi digital, dan tadbir urus Kecerdasan Buatan (AI) dalam pendidikan tinggi.

Mesyuarat dirasmikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah Pusat Teknologi Komunikasi Maklumat (ICTC), UBD, Dr. Haji Abdul Ghani bin Haji Naim, diikuti ucapan Pengerusi Lembaga Eksekutif AUN Dx, Prof. Madya Dr. Thakerng Wongsirichot dan Pengarah Eksekutif Rangkaian Universiti ASEAN (AUN), Prof. Madya Dr. Thanapan Laiprakobsup.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Haji Abdul Ghani berkata, "Di seluruh rantau kita dan di seluruh dunia, institusi pengajian tinggi sedang mengemudi perubahan teknologi yang pesat, ekosistem digital yang berkembang, dan pengaruh Kecerdasan Buatan yang semakin meningkat.

"Perkembangan ini memberikan peluang penting dan cabaran yang kompleks. Oleh itu, adalah penting untuk kita berkumpul bukan sahaja untuk bertukar-tukar idea, tetapi juga untuk membangunkan bersama rangka kerja, piawaian dan strategi yang relevan, praktikal dan berkesan," tambahnya.

Prof. Dr. Thanapan Laiprakobsup menyatakan, memandangkan transformasi digital terus membentuk pendidikan tinggi di seluruh ASEAN, kami mengiktiraf peranan penting AUN Dx dalam mengukuhkan kapasiti universiti dalam menyahut cabaran yang muncul, serta dalam memupuk kerjasama serantau dalam memajukan amalan inovatif.

Prof. Dr. Thakerng Wongsirichot menambah, Rangka Kerja AUN Dx telah diperhalusi secara berterusan dengan tujuan untuk mewujudkan rangka kerja

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

terkemuka dan bersatu yang menggalakkan amalan terbaik dalam perkhidmatan digital dan pembinaan kapasiti untuk transformasi digital merentas komuniti AUN.

Majlis perasmian tersebut menampilkan ucapan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, bertajuk 'Living with AI: The Role of UBD in Brunei's Digital Future'.

Ucapan tersebut mengkaji bagaimana Kecerdasan Buatan membentuk semula pendidikan tinggi dan menyeru universiti untuk perlahan-lahan 'hidup dengan AI' dan bukannya ditadbir olehnya, sambil mengekalkan pelajar, pendidik dan tujuan institusi sebagai pusat transformasi digital, berpaksikan oleh tadbir urus yang kukuh dan berasaskan inisiatif UBD sendiri dalam literasi digital dan pembinaan kapasiti.

Diadakan selama dua hari, Mesyuarat Tahunan menjemput wakil dari Universiti Ahli AUN dan Universiti Ahli Bersekutu AUN Dx, bersama-sama pegawai dari Sekretariat AUN Dx dan Sekretariat AUN, untuk bengkel mengenai Rangka Kerja

AUN Dx Versi 2.0 dan Rangka Kerja Tadbir Urus dan Etika AUN Dx AI Versi 1.0, di samping perbincangan panel mengenai hala tuju rangkaian masa hadapan.

Ditubuhkan berikutan kelulusannya pada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah AUN Ke-39 pada Julai 2024, Rangkaian Tematik AUN Dx berkhidmat sebagai platform untuk institusi pengajian tinggi ASEAN berkongsi kepakaran, menyeragamkan amalan pengurusan ICT, dan mengukuhkan kapasiti institusi untuk transformasi digital.

Sebagai tuan rumah Mesyuarat Tahunan Rangkaian Tematik AUN Dx Ke-2, UBD mengesahkan komitmennya terhadap kerjasama serantau dalam transformasi digital dan tadbir urus ICT.

Mesyuarat berkenaan juga mencerminkan usaha UBD sendiri dalam ruang ini, setelah menyepadukan AI generatif ke dalam kurikulum, penyelidikan dan dasar kampusnya, dengan pelan hala tuju transformasi digital yang sedang dibangunkan untuk membimbing hala tuju masa depannya.



PENGARAH Pusat Teknologi Komunikasi Maklumat (ICTC), Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Abdul Ghani bin Haji Naim, semasa menyampaikan cenderahati kepada Pengerusi Lembaga Eksekutif AUN Dx, Prof. Madya Dr. Thakerng Wongsirichot.

>> Muka 8

Beliau seterusnya menjelaskan, edisi kali ini amat bermakna kerana ia diadakan bersempena Ulang Tahun UTB Ke-40 dan sepanjang empat dekad yang lalu, UTB berkembang menjadi sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka yang terkenal dengan komitmennya terhadap kecemerlangan akademik, penyelidikan, inovasi dan penglibatan global.

Dalam meraikan pencapaian penting ini tambahnya, CIPTA 2027 mencerminkan komitmen berterusan UTB dalam membina jambatan kerjasama, memupuk inovasi dan melangkaui sempadan untuk mencipta impak yang bermakna bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), rantau ASEAN dan dunia secara keseluruhannya.

Majlis diteruskan dengan ucapan tetamu kehormat yang seterusnya menyempurnakan pelancaran rasmi Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027.

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa kemudian menyampaikan Keynote Lecture, diikuti dengan lawatan tetamu kehormat ke reruai dan pameran yang menampilkan para pemenang CIPTA terdahulu.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga turut menyampaikan hadiah bagi Pertandingan Reka Bentuk Trofi CIPTA kepada pemenang utama.

Turut hadir, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Timbalan Pengerusi Majlis UTB; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Anggota ASEAN; Ahli-ahli Majlis UTB; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari pelbagai kementerian; pegawai-pegawai utama UTB; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan khas.

Akronim CIPTA merujuk kepada 'Creative, Innovative Product and Technological Advancement' dan juga merupakan perkataan bahasa Melayu 'cipta' yang bererti mencipta atau menghasilkan rekaan, bertujuan untuk menggalakkan dan memupuk budaya penciptaan, rekaan dan inovasi di NBD dan Negara-negara ASEAN yang lain.

Pertandingan CIPTA 2027 bertemakan 'Bridge. Innovate. Beyond.' yang mencerminkan kepentingan membina hubungan bermakna dalam melahirkan penyelesaian transformatif terhadap cabaran masa kini dan masa hadapan. Dengan merapatkan jurang antara pengetahuan, industri, budaya dan teknologi, inovasi dapat bergerak melangkaui sempadan konvensional dan mencipta impak yang berkekalan.

Pada dasarnya, tema ini menekankan kolaborasi sebagai asas kemajuan. Jalinan antara akademik, industri, kerajaan dan masyarakat membolehkan kepelbagaian perspektif digabungkan bagi memperkukuh pemikiran kreatif dan mempercepatkan pembangunan penyelesaian berimpak tinggi.

Melalui kerjasama ini, idea-idea inovatif dapat diterjemahkan kepada aplikasi praktikal yang memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi. Inovasi menjadi tonggak utama dalam usaha ini.

Dengan memanfaatkan teknologi baharu, pemikiran kreatif dan pendekatan pelbagai disiplin, para inovator digalakkan untuk membangunkan penyelesaian kepada cabaran global dan serantau, termasuk dalam bidang kelestarian, transformasi digital, kesihatan dan teknologi termaju.

Seruan untuk melangkaui 'Beyond' menggalakkan peserta untuk berfikir di luar batas kebiasaan, merentasi kerangka sedia ada, sempadan geografi dan pendekatan penyelesaian masalah konvensional. Ia menuntut penerokaan idea baharu yang berani serta perluasan impak inovasi ke tahap yang lebih tinggi.

Dengan pelancaran CIPTA 2027, para peserta yang berminat kini boleh mendapatkan garis panduan pertandingan, borang penyertaan, serta maklumat berkaitan melalui laman sesawang rasmi CIPTA di cipta.utb.edu.bn.

Pendaftaran dibuka mulai 25 Jun 2026 hingga 25 Januari 2027, dan mengalu-alukan para inovator, penyelidik, pelajar serta usahawan dari NBD dan seluruh rantau ASEAN untuk menghantar penyertaan mereka.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026
2. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026
3. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

CUNGKIL BAKAT, TINGKATKAN MUTU PEMBACAAN AL-QURAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

KUALA BELAIT, Khamis, 25 Jun. - Dalam usaha mencungkil bakat serta meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran, khususnya dalam kalangan peserta dari masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Imarah, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran bagi Lelaki dan Perempuan Berumur 40 hingga 54 Tahun serta 55 Tahun Ke Atas bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1448 Hijrah.

Musabaqah yang memasuki penganjuran kali kelapan berkenaan berlangsung selama tiga hari, bermula 23 hingga 25 Jun 2026, bertempat di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Sehubungan dengan itu, pada pagi ini telah diadakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori.

Keputusan penuh pertandingan bagi Kategori A (Lelaki 40-54 Tahun), tempat pertama dimenangi oleh Awang Haji Mohamad Aslanan bin Haji Metusin dari Masjid Kampung Kupang dengan perolehan markah 90.85 peratus.

Manakala, bagi Kategori A (Perempuan 40-54 Tahun), tempat pertama pula disandang oleh Dayang Hajah Norlaila binti Haji Metusin, juga dari Masjid Kampung Kupang, dengan markah 90.45 peratus.

Seterusnya, bagi Kategori B (Lelaki 55 Tahun Ke Atas), tempat pertama telah diraih oleh Awang Haji Zaman bin Haji Timbang dari Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam, dengan markah 84.15 peratus.

Kategori B (Perempuan 55 Tahun Ke Atas) pula, tempat

pertama telah dimenangi oleh Dayang Hajah Amidah binti Ghafar dari Masjid Kampung Sinaut, dengan markah 85.20 peratus.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Penganjuran musabaqah ini adalah bersempena dengan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1448H.

Pertandingan tersebut menghimpunkan peserta lelaki dan perempuan dari seluruh negara yang mewakili masjid, surau dan balai ibadat masing-masing dalam dua kategori, iaitu Kategori A bagi peserta berumur 40 hingga 54 Tahun dan Kategori B bagi peserta berumur 55 Tahun Ke Atas.

Selain itu, musabaqah ini turut diadakan bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir serta melahirkan masyarakat yang celik Al-Quran.

Diharapkan penganjuran pertandingan seumpama ini akan terus melahirkan peserta yang mahir dan berketerampilan dalam pembacaan Al-Quran, seterusnya

dapat diketengahkan kepada masyarakat sebagai contoh dan teladan yang baik.

Di samping itu, usaha ini juga diharap dapat membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian serta menyemarakkan lagi syiar Islam di negara ini.

Memberikan pendedahan, pendekatan mengenai nilai sejarah, warisan Islam



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B'**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'B', Biro

Wanita serta beberapa orang penduduk Kampung Lumapas 'B' telah mengadakan lawatan ke Balai



SUASANA semasa lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi meninjau pameran khas.

ROMBONGAN tersebut telah diketuai oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) bagi meninjau pameran khas dan melihat dengan lebih dekat Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipamerkan kepada orang ramai.

Rombongan tersebut diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Tumpuan utama lawatan berkenaan untuk mengambil peluang dan menyaksikan secara lebih dekat Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dibuka selama tiga hari di BKISHHB, di sini.

Sepanjang lawatan, para peserta berpeluang mengikuti penerangan mengenai sejarah dan kepentingan artifak yang dipamerkan di BKISHHB, khususnya berkaitan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi antara koleksi paling berharga dan istimewa di negara ini.

Lawatan tersebut bertujuan memberikan pendedahan serta pendekatan yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai nilai sejarah, warisan Islam dan kecintaan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, ia juga memberi peluang kepada rombongan untuk menghayati serta menzahirkan rasa syukur atas peluang menyaksikan sendiri peninggalan yang mempunyai nilai spiritual dan sejarah yang tinggi.

Para peserta melahirkan rasa teruja dan bersyukur kerana berpeluang mengikuti lawatan tersebut, yang disifatkan sebagai pengalaman bermakna dalam memperkukuhkan kefahaman serta penghayatan terhadap sejarah dan warisan Islam.

HALUAN

>> Muka 2

Alhamdulillah, Jabatan Penjara juga telah giat melaksanakan pelbagai Program Kemasyarakatan di keempat-empat buah daerah sepanjang tahun 2025 dengan penglibatan para sukarelawan daripada UNISSA, KUPU SB dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, anggota masyarakat, syarikat swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta agensi-agensi kerajaan. Kerjasama pelbagai pihak ini diharap akan menjadi pemangkin kepada kejayaan usaha pemulihan yang lebih inklusif dan berkesan.

Di peringkat serantau pula, susulan pemeteraian Triti Pemindahan Banduan Antarabangsa (International Transfer of Prisoners Treaty - ITOP) di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2023 yang lalu, pemindahan seramai enam orang banduan warganegara Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada Ogos tahun lalu di mana inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia malah turut mencerminkan komitmen bersama dalam menjaga kebajikan banduan serta memperkukuh proses pengintegrasian semula ke negara asal.

Alhamdulillah, Skim Perkhidmatan Jabatan Penjara yang baharu yang melibatkan pengemaskinian sukatan tangga gaji telah mendapat kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 hari bulan September 2025. Pengemaskinian ini merupakan satu langkah penting ke arah memperkukuh pembangunan sumber manusia Jabatan Penjara melalui penyediaan laluan kerjaya yang lebih terbuka, tersusun dan progresif, di samping memperkenalkan struktur remunerasi yang lebih kompetitif serta bersesuaian dengan tahap tanggungjawab, risiko dan beban tugas yang dipikul oleh warga Jabatan Penjara.

Dalam kesempatan ini, peramba / saya sukacita menasihatkan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara selaku anggota beruniform untuk sentiasa mengekalkan tahap profesionalisme, disiplin, akauntabiliti dan integriti yang tinggi serta menjauhkan diri daripada sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan nama baik *abiskita* semua dan nama baik jabatan. Jabatan dan kementerian akan mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap mana-mana pegawai atau anggota yang didapati melanggar undang-undang, menyalahgunakan kuasa serta terlibat dalam salah laku atau mencemarkan integriti dan imej Jabatan Penjara.

Sempena ulang tahun penubuhan yang Ke-72 ini, marilah kita sama-sama berdoa agar Jabatan Penjara akan terus diberikan hidayah, ketabahan dan kekuatan dalam melaksanakan amanah yang dipikul dengan cemerlang demi keamanan, kestabilan dan keharmonian Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Akhir kata, peramba / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pemangku Pengarah Penjara serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja atas usaha dan komitmen dalam menjayakan majlis yang bermakna pada pagi ini. Kepada anggota-anggota Jabatan Penjara yang telah kembali ke rahmatullah, marilah kita hadiahkan bacaan Surah Al-Fatihah semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama para syuhada dan solihin. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PERSAHABATAN NBD, REPUBLIK RAKYAT CHINA TERUS KUKUH



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd. Hassan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-90 Penubuhan Republik Rakyat China (atas dan atas kanan).



PRESIDEN Brunei - China Friendship Association, Dr. Mohammad Firdaus bin Abdul Rahman ketika berucap.

JERUDONG, Khamis, 25 Jun. - Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-90 Penubuhan Republik Rakyat

China yang turut diselenggarakan dengan Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik antara Republik Rakyat China dan NBD yang berlangsung di Jerudong Polo Club, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd. Hassan. Mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Terdahulu, Presiden Brunei - China Friendship Association, Dr. Mohammad Firdaus bin Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluan berkata bahawa persahabatan antara NBD dan Republik Rakyat China bukan sahaja bermula 35 tahun yang lalu sebaliknya,

mempunyai sejarah yang panjang sejak zaman dahulu lagi.

Menurutnya, hubungan yang berakar umbi inilah yang telah membentuk asas yang kukuh untuk persahabatan dan kerjasama erat antara kedua-dua negara pada hari ini.

"Sepanjang 35 tahun hubungan diplomatik, NBD dan Republik Rakyat China telah berjaya memperkukuh hubungan mereka ke tahap Perkongsian Kerjasama Strategik Komprehensif, dengan kerjasama yang meluas merentasi pelbagai bidang seperti ekonomi, pelaburan, pendidikan, budaya, penjagaan kesihatan, pelancongan, infrastruktur dan teknologi. Kerjasama ini telah membawa manfaat ketara kepada kedua-dua negara dan rakyat mereka," jelasnya.

Beliau seterusnya menjelaskan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

bahawa persahabatan antara negara bukan sahaja dibina melalui perjanjian dan projek tetapi juga melalui keikhlasan, kepercayaan, usaha bersama, dan hubungan erat antara rakyat kedua-dua negara.

Oleh itu, ujanrya usaha untuk terus memperkukuhkan hubungan NBD-Republik Rakyat China perlu lebih bergerak maju dengan semangat tanggungjawab, keikhlasan dan inovasi untuk masa depan kita bersama.

"Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghormatan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sokongan berterusan mereka terhadap hubungan NBD-Republik Rakyat China. Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada Kerajaan Republik Rakyat China atas komitmen dan sokongan berterusan dalam memajukan kerjasama dua hala ini," ujanrya lagi.

Majlis Resepsi tersebut diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah kepada tetamu kehormat dan turut dimeriahkan dengan beberapa persembahan.

Kongsi pengalaman, amalan terbaik dalam pelbagai bidang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Jun. - Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman baru-baru ini menyertai Mesyuarat Serantau Lima Suruhanjaya-Suruhanjaya Kebangsaan bagi UNESCO Kali Ke-3 selaku wakil Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang telah diadakan secara maya.

Mesyuarat tersebut telah dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Kebangsaan Malaysia bagi UNESCO (MNCU) dan Pejabat Serantau UNESCO

di Jakarta.

Penganjuran mesyuarat ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara Suruhanjaya-Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO, di samping menjadi platform bagi perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan inisiatif yang dilaksanakan oleh negara-negara anggota.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan perkembangan

pelaksanaan Program dan Belanjawan UNESCO 2026-2029 (43 C/5), hala tuju Strategi Jangka Sederhana UNESCO, serta persiapan sempena sambutan ulang tahun ke-80 UNESCO.

Sebagai tambahan, mesyuarat turut membincangkan peluang kerjasama dengan ASEAN serta usaha memperkukuh kerjasama antarabangsa dan serantau melalui perkongsian ilmu serta usaha kolaboratif dalam bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan komunikasi selaras usaha menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di rantau ini.

Sebagai sebahagian daripada agenda program Mesyuarat Serantau, wakil-wakil daripada Suruhanjaya Kebangsaan NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina dan Republik Demokratik Timor-Leste telah membentangkan perkembangan



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman telah menyertai Mesyuarat Serantau Lima Suruhanjaya - Suruhanjaya Kebangsaan bagi UNESCO Kali Ke-3 selaku wakil Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

aktiviti masing-masing sejak Mesyuarat Serantau kedua yang diadakan secara maya dari Manila, Republik Filipina pada Jun 2025.

Bagi pihak Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) telah membentangkan perkembangan utama dan pencapaian yang penting, termasuk inisiatif-inisiatif strategik yang sedang dan akan dilaksanakan untuk memperkukuh kerjasama serantau dan meningkatkan keutamaan UNESCO di peringkat kebangsaan.

Mesyuarat Serantau Lima Suruhanjaya - Suruhanjaya Kebangsaan bagi UNESCO Kali Ke-3 berkenaan telah diadakan secara maya.



MENGUKUHKAN PERPADUAN SERANTAU, DAYA TAHAN DIGITAL, PENGGUNAAN TEKNOLOGI BERETIKA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Jabatan Perdana Menteri



MESYUARAT Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan (SOMRI) Ke-23 telah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin, selaku Pengerusi SOMRI dan juga Ketua SOMRI bagi Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-23 (23rd ASEAN Senior Officials' Meeting Responsible for Information - SOMRI) yang telah berlangsung di Hotel Radisson, di ibu negara pagi tadi.

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab ke atas penerangan daripada

Negara-negara Anggota ASEAN serta Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin, selaku Pengerusi SOMRI dan juga Ketua SOMRI bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM dalam ucapan alu-aluannya menggesa ASEAN untuk mempertingkatkan ketahanan terhadap penularan pesat berita palsu, penipuan digital dan



penyebaran maklumat salah yang tidak terkawal.

Beliau turut menyatakan bahawa penipuan digital bukan hanya sekadar gangguan teknologi, malahan telah berkembang menjadi ancaman rentas sempadan yang kompleks, dan secara aktif menjejaskan kepercayaan orang ramai serta kestabilan ekonomi serantau.

Di bawah tema 'Media Advancing Joint Understanding' (MAJU), NBD memanfaatkan kepimpinannya di bawah Menteri-Menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan (ASEAN Ministers

Responsible for Information - AMRI) untuk menerajui peralihan penting daripada tindak balas jangka pendek yang bersifat reaktif kepada pendekatan yang lebih proaktif dan berdaya tahan.

Mesyuarat SOMRI Ke-23 menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam membentuk masa depan landskap media Asia Tenggara.

Pegawai-pegawai kanan dari rantau ASEAN telah menyentuh perkara-perkara untuk mempercepatkan rangka kerja strategik utama yang direka untuk mengukuhkan perpaduan serantau, daya tahan digital dan

penggunaan teknologi beretika.

Perbincangan tertumpu kepada memuktamadkan strategi jangka panjang utama, termasuk Work Plan on Information and Media 2026-2035 dan ASEAN Communication Master Plan III (ACMP III) 2026-2030.

Pelan-pelan berkenaan akan menetapkan hala tuju serantau dalam memperkukuh diplomasi awam, kesedaran masyarakat dan kerjasama media rentas sempadan.

NBD akan menyerahkan kepengerusian SOMRI kepada Kemboja pada 2027.

Perasmian pengecas EV baharu

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohd. Salihin bin Haji Aspar hadir merasmikan acara berkenaan di ruang pameran Lexus di Gadong (atas dan kanan).

GADONG, Khamis, 25 Jun. - NBT (Brunei) Sdn. Bhd., sebuah syarikat Inchcape dan pengedar rasmi Toyota serta Lexus bersama Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) telah mencapai satu lagi kejayaan ke arah mobiliti mampan dengan merasmikan Infrastruktur Pengecas Kenderaan Elektrik (EV) yang baharu dipasang di ruang pameran Lexus di Gadong, petang tadi.

Hadir merasmikan acara tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohd. Salihin bin Haji Aspar.

Dengan perasmian tersebut ia menggariskan sokongan kerajaan terhadap agenda elektrifikasi negara. Juga hadir, Pengarah Urusan BSM, Alexirwan Omar dan Presiden Inchcape Brunei, Awang Haji Ahmad bin Haji Husin.

Inti utama pemasangan ini ialah kerjasama antara BSM dan NBT untuk memperluaskan keberadaan Shell Recharge di negara ini. Berpanduan rangkaian Shell Recharge yang sedia ada, pemasangan ini mencerminkan komitmen kedua-dua syarikat dalam menyokong peralihan negara ke arah mobiliti elektrik.

Dengan unit pengecas AC dan DC, ia memenuhi keperluan pelbagai jenis kenderaan elektrik serta memberikan pengalaman pengecasan yang mudah dan akses kepada teknologi

pengecasan EV terkini.

Pencapaian ini membina kesinambungan usaha kelestarian NBT selepas pelancaran inisiatif panel solar tahun lalu untuk menyokong penggunaan tenaga yang lebih bersih dalam operasinya. Sistem solar PV telah dipasang di Bilik Pameran & Pusat Servis Lexus di Gadong serta Ruang Pameran & Pusat Servis Toyota di Beribi, dengan sejumlah 368 panel yang dijangka mengurangkan pelepasan karbon dioksida sekitar 100 hingga 156 metrik tan.

Sebagai pengukuhan kepada komitmen mobiliti berasaskan elektrifikasi, Lexus Brunei turut mencatat satu lagi pencapaian dengan pelancaran rasmi Lexus RZ 350e, sebuah Kenderaan Elektrik Bateri (BEV) yang



melambangkan mobiliti premium berteknologi tinggi dengan gabungan kemewahan, teknologi canggih dan prestasi mampan.

Seiring dengan usaha NBT dalam perjalanan elektrifikasinya, pelanggan dan orang ramai boleh menjangkakan ketibaan model EV akan datang yang akan memperluaskan pilihan mobiliti.

Bersama-sama dengan pembangunan infrastruktur pengecas EV dan penawaran kenderaan berteknologi elektrik baharu, inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan NBT dalam menyokong peralihan Brunei ke arah masa depan yang lebih mampan.

Berucap semasa majlis perasmian tersebut, Naib Presiden Inchcape Brunei, Awang

Muhammad Clovien bin Abdullah berkata pemasangan ini merupakan langkah penting dalam mempersiapkan Brunei menghadapi peralihan secara beransur-ansur tetapi tidak dapat dielakkan ke arah kenderaan berkuasa elektrik.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami terhadap agenda kelestarian nasional Brunei serta menyumbang kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035 - membina infrastruktur, kesiapsiagaan dan kerjasama yang akan memacu Brunei ke arah masa depan yang lebih hijau, pintar dan makmur," tambahnya.

Majlis tersebut turut menampilkan model Lexus RZ 350e, kenderaan elektrik bateri pertama Lexus Brunei.

SOCTPF : BINCANG USAHA TANGANI ISU ANCAMAN PENGGGANAS, EKSTREMISME

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri**



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad semasa mengetuai delegasi NBD pada Mesyuarat Sub-Serantau Bagi Pegawai-pegawai Kanan Mengenai Anti-Penggunaan Kali Ke-5.

BANGKOK, Rabu, 24 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Thailand telah mempengerusikan bersama Mesyuarat Sub-Serantau Bagi Pegawai-pegawai Kanan Mengenai Anti-Penggunaan Kali

Ke-5 (5th Sub-Regional Counter-Terrorism Policy Forum - SOCTPF) yang berlangsung baru-baru ini di Bangkok, Thailand. Delegasi NBD diketuai oleh Pemangku Setiausaha Tetap

(Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad, bersama pegawai-pegawai kanan dari JPM. SOCTPF merupakan mesyuarat tahunan bagi pegawai-pegawai

kanan daripada lapan buah negara, iaitu Australia, NBD, Republik Indonesia, Malaysia, New Zealand, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand, untuk membincangkan usaha-usaha di peringkat sub-serantau bagi menangani isu keganasan dan ekstremisme.

Tahun ini merupakan giliran NBD dan Thailand untuk menjadi Pengerusi Bersama bagi SOCTPF.

Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan bersama oleh Awang Zulhusam bagi pihak NBD, manakala Deputy Secretary-General of the National Security Council, Mr. Ruchakorn Napapornpipat pula bagi pihak Thailand.

Semasa mesyuarat berkenaan, ketua-ketua delegasi SOCTPF telah membincangkan trend semasa berkaitan penyebaran pemahaman ekstremis secara dalam talian, serta landskap ancaman pengganas dan isu-isu keselamatan yang berkaitan di peringkat sub-serantau.

Pada mesyuarat kali ini, delegasi NBD telah membentangkan kertas

konsep mengenai rangka kerja sub-serantau untuk menilai sentimen orang ramai terhadap pemahaman ekstremis dan pengganas yang disebarkan secara dalam talian. Rangka kerja berkenaan akan menjadi hasil atau *deliverable* utama semasa NBD menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat SOCTPF Kali Ke-6 pada 2027.

Ia bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada SOCTPF dengan menghasilkan satu mekanisme untuk menggunakan hasil analisis mengenai sentimen orang ramai sebagai asas untuk mengukur keberkesanan usaha-usaha yang telah diterajui oleh SOCTPF dalam memerangi isu pengganasan dan ekstremisme di peringkat sub-serantau.

Mesyuarat SOCTPF Kali Ke-5 telah bersidang di Sheraton Royal Orchid Hotel, Bangkok, Thailand.

NBD akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat SOCTPF Kali Ke-6 yang akan berlangsung di Bandar Seri Begawan pada 2027 dan akan dipengerusikan bersama oleh NBD dan Malaysia.

Memperkuhkan kesiapsiagaan negara terhadap sebarang kemungkinan bencana

■ **Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

JERUDONG, Khamis, 25 Jun. - Seramai 300 orang penggerak utama daripada pelbagai latar belakang kepakaran daripada pelbagai kementerian, jabatan kerajaan serta agensi-agensi berkepentingan yang mempunyai peranan dalam pengurusan dan tindak balas bencana negara termasuk pemerhati dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Malaysia terlibat dalam Latihan Bencana Kebangsaan Siri Pertama Tahun 2026 (LBK 01/2026) yang berlangsung pada 23 hingga 25 Jun.

Latihan pengurusan bencana peringkat kebangsaan berkenaan dianjurkan secara bersama oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Adapun objektif LBK 01/2026 dilaksanakan adalah bagi menguji tahap kesiapsiagaan agensi-agensi yang terlibat dalam menghadapi situasi bencana berskala besar; menilai keberkesanan mekanisme koordinasi dan komunikasi antara agensi; menguji pelaksanaan pelan, prosedur dan tatacara pengurusan bencana sedia ada; mengenal pasti jurang, cabaran dan ruang penambahbaikan dalam pengurusan bencana negara dan memperkuhkan kerjasama antara agensi melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation.

Sehubungan itu, petang tadi telah diadakan Sesi Taklimat Bersama Pihak Media mengenai LBK 01/2026 yang dihadiri oleh Pemangku Pengarah NDMC, Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat selaku Co-Exercise Director LBK.

Turut hadir sama semasa sidang media yang mengambil tempat di Dewan Persidangan BRIDEX berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin selaku Assessor LBK; Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh selaku Co-Exercise Director LBK; Pemangku Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang

Shahrin bin Haji Muhd. Jawie selaku Co-Deputy Exercise Director & Assessor LBK dan Timbalan Pengarah NDMC, Dayang Ruhaidah binti Haji Rusli selaku Co-Deputy Exercise Director LBK.

LBK 01/2026 pada kali ini akan dilaksanakan dalam bentuk Table-Top Exercise (TTX) iaitu latihan berasaskan senario simulasi yang memfokuskan sepenuhnya kepada pemantapan proses pembuatan keputusan strategik, pengukuhan koordinasi antara agensi, kelancaran perkongsian maklumat dan penyelarasan pelan tindakan bersepadu dalam menghadapi situasi bencana yang kompleks.

Pemangku Pengarah NDMC, Kolonel Muhammad Wata pada Sidang Media berkenaan turut memaklumkan bahawa latihan kali ini tidak melibatkan pergerakan aset fizikal, simulasi latihan di lapangan, mahupun pergerakan operasi kecemasan sebenar di mana-mana lokasi dan dijalankan sepenuhnya dalam persekitaran simulasi terkawal.

Penganjuran latihan ini tambahnya lagi mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkuhkan kesiapsiagaan serta kedayatahan negara terhadap sebarang kemungkinan bencana.

"Melalui latihan seperti ini, agensi-agensi yang terlibat berpeluang melaksanakan penilaian terhadap keupayaan operasional masing-masing, seterusnya menanda aras kecekapan ekosistem pengurusan bencana negara agar sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang optimum, relevan, tangkas dan berteraskan kepada perlindungan masyarakat," tambah Pemangku Pengarah NDMC.

LBK ini dijadikan sebagai pemacu strategik dalam memperkasakan dan memperkuhkan tahap kesiapsiagaan nasional dan membina kedayatahan negara yang holistik. Langkah ini dizahirkan

melalui pengukuhan jentera koordinasi antara agensi, pemantapan interoperabiliti saluran komunikasi krisis serta pengujian keupayaan tindak balas bersepadu agar ia sentiasa tangkas, efisien dan adaptif dalam menghadapi apa jua kepelbagaian risiko bencana.

"Latihan TTX LBK-26 (LBK-26) telah berjalan selama dua hari bermula pada 24 Jun hingga 25 Jun 2026, di mana fokus utama latihan ini adalah memfokuskan kepada penilaian dan pemantapan mekanisme pengurusan bencana negara. Latihan pada kali juga telah dibuat dalam tiga peringkat, iaitu Peringkat Strategik, Taktikal dan Operasi.

"Latihan pada kali ini juga turut memfokuskan kepada penilaian dan pemantapan mekanisme pengurusan bencana negara, di mana latihan ini akan meneliti keupayaan tindak balas bersepadu berasaskan senario impak rantaian (*cascading impact*) susulan simulasi kejadian tsunami serantau yang dicetuskan oleh gempa bumi di Manila Trench," tambahnya.

Kongsi beliau lagi, memandangkan Manila Trench merupakan kawasan aktif yang telah dikaji secara meluas oleh para saintis, pemilihan senario ini merupakan langkah proaktif negara dalam memperkuhkan kesiapsiagaan.

Walaupun secara geografinya negara bertuah kerana tidak terdedah secara langsung kepada bencana besar seperti ini, senario berimpak tinggi berkenaan sengaja diwujudkan bukan untuk menimbulkan kegusaran, melainkan sebagai platform dinamik bagi memastikan negara tidak leka atau *complacent* jelasnya.

Oleh yang demikian tambahnya, perkembangan latihan selama dua hari tersebut telah dilaksanakan secara berfasa, di mana pada 24 Jun 2026 adalah memfokuskan kepada Peringkat Strategik, di mana perbincangan ditumpukan di peringkat kepimpinan tertinggi bagi menilai aspek dasar, koordinasi rentas agensi, dan pembuatan keputusan strategik termasuk



SESI Taklimat Bersama Pihak Media mengenai LBK 01/2026 berkenaan telah dihadiri oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat selaku Co-Exercise Director LBK, dan wakil-wakil dari agensi berkepentingan yang lain.

pengaktifan pelan kontingensi kebangsaan.

"Manakala pada hari ini 25 Jun 2026, fokus latihan adalah beralih kepada penterjemahan keputusan strategik tersebut kepada tindakan di lapangan. Ini merangkumi penyelarasan aset, pergerakan agensi penyelamat, dan pengurusan logistik kritikal secara masa nyata (*real-time*).

"Senario kompleks ini telah memberi ruang yang amat berharga bagi agensi-agensi berkaitan untuk memperincikan serta menguji pelbagai implikasi kritikal," terangnya.

Menurut beliau lagi, antara aspek utama yang dibahas dan diperkemas termasuklah kelangsungan sistem perhubungan (*communication continuity*) semasa kecemasan, pengurusan kecederaan besar (*mass casualties management*) yang cekap, sehinggalah kepada aspek pengurusan pasca-bencana yang menyentuh secara langsung kebajikan, keselamatan, dan kemaslahatan masyarakat terjejas.

Melalui pendekatan proaktif ini terangnya, LBK-26 berjaya memberikan keyakinan bahawa mekanisme keselamatan dan pengurusan bencana negara

sentiasa diperkasakan dari semasa ke semasa demi memastikan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terpelihara.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin ketika bercakap pada Sidang Media tersebut turut menjelaskan bahawa latihan ini merupakan instrumen pelaburan strategik yang penting dalam memperkasakan benteng kesiapsiagaan nasional dan membina kedayatahan negara yang holistik.

Katanya, menerusi simulasi latihan yang berstruktur ini, rantaian arahan (*chain of command*) akan dapat diperkuhkan dan interoperabiliti sistem koordinasi antara agensi diselaraskan bagi menghapuskan sebarang ketidakcekapan operasional.

Manakala tambahnya, impak jangka panjang daripada penilaian ini adalah untuk memastikan seluruh instrumen tindak balas bencana negara sentiasa tangkas, berpanduan kepada data, dan berada pada tahap kompetensi tertinggi seterusnya memberikan jaminan perlindungan yang mutlak dalam memelihara keselamatan serta kesejahteraan hidup rakyat.

KELESTARIAN LAUTAN PENTING UNTUK KESTABILAN IKLIM

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - Di peringkat global, kelestarian lautan semakin diiktiraf sebagai elemen penting kepada kestabilan iklim, keselamatan alam sekitar, keselamatan makanan serta pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Lautan berperanan menyerap sejumlah besar pelepasan karbon, mengawal corak cuaca, serta menyokong kehidupan berbilion manusia di seluruh dunia.

Justeru, kesihatan lautan bukan sekadar isu alam sekitar, tetapi merupakan teras utama dalam usaha sesebuah negara membina daya tahan dan mencapai pembangunan mampan.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), lautan dan persekitaran pesisir pantai mempunyai kepentingan yang amat besar.

Ekosistem seperti terumbu karang, hutan bakau dan kawasan perikanan membentuk jaringan semula jadi yang saling berkait, menyokong biodiversiti yang kaya, melindungi garis pantai, menyumbang kepada sumber pendapatan serta memperkukuh jaminan keselamatan makanan negara.

Sumber semula jadi ini bukan sahaja warisan alam sekitar, malah turut menjadi tunjang kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial negara.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi, ketika menyampaikan ucapan di Seminar Jangkauan Dasar dan Pertukaran bertajuk 'Penguatkuasaan Daya Tahan Iklim melalui Kesihatan Lautan serta Perlindungan Hidupan dan Habitat Marin'.

Menurut beliau, penganjuran

seminar tersebut yang berlangsung sempena Persidangan Pertengahan Tahun dan Pameran Brunei (MYCE) 2026 mencerminkan kepentingan kerjasama antarabangsa yang berterusan dalam menangani cabaran perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti.

Usaha ini juga bertujuan memperkukuh tindakan kolektif dalam membina daya tahan serta melindungi ekosistem yang menjadi asas kesejahteraan manusia, jelasnya.

Beliau turut menekankan bahawa usaha melindungi ekosistem marin merupakan komponen penting dalam komitmen negara terhadap pembangunan mampan dan pemeliharaan alam sekitar, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang menekankan pembangunan negara berasaskan rakyat berpendidikan tinggi dan berkemahiran, kualiti hidup yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi dan mencapai pertumbuhan inklusif, NBD kekal komited memastikan pembangunan seimbang dengan pengurusan sumber semula jadi yang bertanggungjawab demi manfaat generasi akan datang.

Menjelang Tahun Melawat Brunei 2027, usaha

pemeliharaan alam sekitar marin turut disifatkan semakin penting. Lautan yang sihat dan ekosistem marin yang terpelihara bukan sahaja meningkatkan daya tarikan Brunei sebagai destinasi alam semula jadi yang bersih, malah membuka peluang kepada pembangunan pelancongan mampan, pelaburan serta pertumbuhan ekonomi yang bertanggungjawab.

Namun demikian, beliau menjelaskan bahawa ekosistem marin di seluruh dunia kini terus berdepan tekanan akibat perubahan iklim, pencemaran, kemerosotan habitat dan amalan tidak mampan. Perubahan iklim dikenal pasti sebagai antara ancaman terbesar kepada ekosistem terumbu karang di peringkat global, dengan kajian menunjukkan penurunan ketara tahap kesihatan dan litupan karang di banyak kawasan.

Walaupun bagaimanapun, beliau menzahirkan keyakinan bahawa masih wujud ruang untuk optimisme, Brunei Darussalam dikurniakan biodiversiti marin yang luar biasa, merangkumi lebih 400 spesies karang dan lebih 700 spesies ikan. Dengan kewujudan kawasan perlindungan marin yang luas serta komitmen nasional yang kukuh terhadap pemuliharaan, sumber ini menjadi asas penting dalam usaha membina daya tahan dan kelestarian alam sekitar negara.

Dalam masa yang sama, beliau menegaskan keperluan

memperkukuh penyelidikan saintifik dan pemantauan jangka panjang, meningkatkan pelaburan dalam sains dan inovasi, serta memperluas kerjasama serantau dan antarabangsa. Pendekatan tadbir urus yang adaptif dan berasaskan bukti turut ditekankan bagi memastikan ekosistem marin kekal terpelihara dan berdaya tahan menghadapi cabaran masa hadapan.

Kerjasama antara NBD dan Kesatuan Eropah turut dihargai, khususnya dalam bidang tadbir urus alam sekitar, pemuliharaan marin, penyesuaian iklim serta pembangunan ekonomi biru mampan. Seminar ini dilihat sebagai platform penting dalam memperkukuh kerjasama tersebut serta memperluas perkongsian ilmu dan pembangunan kapasiti.

Seminar berkenaan menghimpunkan pembuat dasar, pakar, penyelidik dan pihak berkepentingan bagi bertukar pandangan serta meneroka penyelesaian praktikal dalam tiga bidang utama iaitu Pemuliharaan Ekosistem Marin, Pembangunan Ekonomi Biru Mampan, serta Pemerkasaan Sains, Inovasi dan Tadbir Urus Berkesan.

Beliau mengakhiri ucapan dengan menegaskan bahawa kejayaan sebenar terletak pada keupayaan menterjemahkan ilmu kepada tindakan, serta komitmen kepada impak yang berkekalan demi kesejahteraan generasi akan datang.

Membangunkan akuakultur inovatif, memacu pertumbuhan ekonomi biru



PENGARAH Kawasan Kerjasama bagi ASEAN di GIZ, Shameer Khanal, semasa menyampaikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - The EU-Brunei Darussalam Partnership Facility pagi tadi menganjurkan Seminar Jangkauan Dasar dan Pertukaran mengenai Penguatkuasaan Daya Tahan Iklim melalui Kesihatan Lautan serta Perlindungan Hidupan dan Habitat Marin (Policy Outreach & Exchange Seminar on Strengthening Climate Resilience through Ocean Health and the Protection of Marine Life and Habitats) yang berlangsung di At-Taqwa, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Seminar yang dibiayai oleh Kesatuan Eropah (EU) tersebut menghimpunkan pegawai kerajaan, pakar serantau dan pemimpin industri bagi membincangkan cabaran alam sekitar yang semakin memberi tekanan kepada ekosistem marin Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara isu utama yang diketengahkan termasuk pemanasan

lautan, pelunturan karang, hakisan pantai serta pencemaran akibat plastik dan peralatan menangkap ikan yang ditinggalkan.

Cabaran tersebut memberi kesan langsung terhadap sektor perikanan negara, jaminan bekalan makanan, komuniti pesisir serta industri pelancongan.

Program seminar mencerminkan empat keutamaan utama lautan Brunei, iaitu memperkukuh daya tahan iklim melalui kesihatan lautan dan perlindungan habitat, memajukan akuakultur inovatif bagi menjamin keselamatan makanan, memacu pertumbuhan ekonomi lautan yang mampan serta membangunkan tadbir urus lautan pintar berasaskan data.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi.

Seminar dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Ketua Misi Delegasi EU ke Republik Indonesia dan NBD, Stéphane Mechat, diikuti ucapan oleh tetamu kehormat.

Ucuptama pertama disampaikan oleh Pengarah Kawasan Kerjasama bagi ASEAN di GIZ, Shameer Khanal, yang berkongsi mengenai perlindungan lautan dan pemeraksanaan perikanan mampan.

Sementara itu, ucuptama kedua disampaikan oleh Ketua Kerjasama Sains APAC di OceanX, Eric Chocat, yang menekankan kepentingan pengetahuan lautan sebagai asas kepada daya tahan dan peluang masa hadapan.

Seminar diteruskan dengan tiga sesi perbincangan panel yang memberi fokus kepada isu utama

berkaitan pemeliharaan lautan dan pembangunan ekonomi marin mampan di NBD.

Sesi panel pertama bertajuk 'Lautan Bersih - Melindungi Ekosistem Marin dan Mengurangkan Pencemaran' meneliti risiko paling mendesak yang dihadapi oleh ekosistem marin NBD, termasuk ancaman pencemaran serta perubahan persekitaran.

Perbincangan turut menekankan kepentingan pemantauan berasaskan sains sebagai asas kepada pembuatan keputusan yang berkesan dalam pengurusan ekosistem marin.

Panel tersebut menampilkan Pemangku Pengarah Jabatan Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat; Penolong Profesor di Universiti Sultan Sharif Ali, Dr. Cristalina Jalil Marsal; Pengerusi Poni Foundation merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group, Mohd. Tahsin Wong Abdullah; serta Shameer Khanal dari GIZ.

Sesi tersebut dikendalikan oleh Ketua Penyelaras The EU-Brunei Darussalam Partnership Facility, Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Manakala sesi kedua, Ekonomi Biru Mampan - Meneroka Nilai Ekonomi (Sustainable Blue Economy - Unlocking Economic Value), membincangkan bagaimana usaha pemeliharaan ekosistem marin boleh diterjemahkan kepada manfaat ekonomi yang mampan untuk negara. Sesi ini disampaikan oleh Pengurus Projek dari CIHEAM Bari yang membentangkan secara maya (virtually) dan Pegawai Perikanan, Jabatan Perikanan, Pengiran Ajmal Faiz bin Pengiran Haji Kamaludin.

Kedua-dua pembentang

berkongsi pengalaman menjalani latihan di Mediterranean Agronomic Institute of Bari, Republik Itali.

Panel turut disertai oleh Awang Muhammad Abdul Hakeem bin Julaihi dari Jabatan Perikanan dan Pengurus Besar Brunei, Kumpulan Barramundi, Alex Chiam Tat Tsian. Sesi ini dimoderasikan oleh Liaw Lin Ji, Rakan Kongsi di ERM.

Sementara itu, pada sesi ketiga, para panel membincangkan topik yang berkisar tentang Inovasi dan Tadbir Urus Lautan - Memperkukuh Daya Tahan (Innovation Governance - Enabling Resilience).

Sesi ketiga memberi penekanan kepada penggunaan data, teknologi dan rangka kerja tadbir urus bagi menyokong pembuatan keputusan berasaskan bukti di peringkat nasional.

Para panel terdiri daripada Pengarah Green Technology and Sustainability Research, Universiti Teknologi Brunei, Profesor Madya Dr.

Lim Tiong Hoo; Presiden Poni Foundation dan Ketua Pegawai Perniagaan, Kumpulan Poni, Anna Aziz; serta Eric Chocat daripada OceanX.

Sesi tersebut dimoderasikan oleh Pengarah Urusan Confer Sendirian Berhad, Allen Lai.

Seminar diakhiri dengan pembentangan mengenai Projek Carbon AKAR, program pemulihan hutan bakau pertama di Brunei yang disokong oleh penyelidikan, diketuai oleh Yayasan Poni dengan kerjasama ASTARI.

Manakala, Eksekutif Kelestarian di Kumpulan Poni dan Ketua Program Carbon AKAR, Jean-Brieuc Gicquel, pula membentangkan pendekatan inisiatif ini terhadap pemulihan berasaskan alam, mata pencarian komuniti, dan pembiayaan karbon biru.

Pada sebelah petang, para peserta berpeluang menyertai aktiviti penanaman bakau di tapak Projek



ANTARA yang hadir mendengarkan seminar berkenaan yang telah mengambil tempat di At-Taqwa, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

MEMPERKASA AKTIVITI EKONOMI, PELANCONGAN DOMESTIK DI DAERAH TUTONG



TUTONG, Rabu, 24 Jun. - Majlis Pelancaran Pesta Makan 2026 'Astahh... Makan Lagi @ Tutong' Episod 1 telah berlangsung dengan meriah di Kawasan Letak Kereta, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, di sini.

Acara yang berlangsung selama lima hari, bermula 24 hingga 28 Jun 2026, dikendalikan oleh QD' Roses

Event Management dengan sokongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya menyempurnakan pelancaran rasmi acara tersebut sebagai tanda

bermulanya pesta berkenaan.

Pesta makan tersebut diadakan sebagai platform untuk menengahkan usahawan tempatan, khususnya dalam sektor makanan dan minuman, di samping merencanakan lagi aktiviti ekonomi dan pelancongan domestik di Daerah Tutong.

Selain memberi peluang kepada para peniaga mempromosikan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Pesta Makan 2026 'Astahh... Makan Lagi @ Tutong' Episod 1 (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Jabatan Daerah Tutong

produk masing-masing, acara ini juga bertujuan mengeratkan hubungan silaturahmi antara masyarakat melalui pengisian aktiviti yang santai dan berkonsepkan kekeluargaan.

Pesta Makan 2026 ini menghimpunkan seramai 60 vendor yang menawarkan pelbagai pilihan makanan dan minuman, termasuk hidangan tradisional tempatan, makanan moden serta pelbagai juadah popular yang menjadi pilihan ramai.

Selain gerai-gerai jualan, pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai aktiviti sampingan seperti permainan bouncer dan go-kart mini, sekali

gus menjadikan acara ini lebih menarik dan sesuai dikunjungi oleh seisi keluarga.

Sepanjang lima hari penganjuran, orang ramai berpeluang menikmati pelbagai pilihan juadah tempatan, produk keusahawanan serta aktiviti sampingan yang menarik.

Penganjuran acara seperti ini diharap dapat terus menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi tempatan, memperluaskan peluang perniagaan, serta menjadikan Daerah Tutong sebagai salah satu destinasi pilihan bagi acara komuniti dan keusahawanan pada masa akan datang.

Pertubuhan WARGAMAS terima lawatan UPM



SESI bergambar ramai bersama rombongan pelawat dari Universiti Putra Malaysia, selepas lawatan di Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS.

Oleh : Srinawarie Bidzah

Foto : Ihsan Pertubuhan WARGAMAS

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS baru-baru ini telah menerima rombongan pelawat dari Universiti Putra Malaysia (UPM), bertempat di pusat berkenaan di Simpang 86, Jalan Utama Berakas.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Profesor Ir. Dr. Siti Anom Ahmad dari Malaysian Research Institute on Ageing (MyAgeing®), UPM. Turut serta, Assoc. Prof. Ir. Dr. Fakhru Zaman Rokhani, dan Nur Ainani Mahyuddin.

Juga menyertai ialah empat pensyarah dari Pusat Penyelidikan Lanjutan (CARE), Universiti Brunei Darussalam (UBD), iaitu Dr. Evi Nurvidya Arifin; Dr. Sharimawati binti Haji Sharbini; Prof. Aris Ananta dan Dr. Hajah Sarena binti Haji Hashim.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang

Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don, selaku Pengerusi Majlis.

Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS dalam ucapan alu - aluannya menjelaskan, Pertubuhan WARGAMAS merupakan sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah diluluskan penubuhannya oleh pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 10 ogos 2019.

Jelasnya lagi, keahlian Pertubuhan WARGAMAS pada masa ini adalah seramai 1,210 orang. Pertubuhan WARGAMAS telah merancang dan membuat beberapa strategi utama untuk mendekatkan NGO berkenaan dengan pihak kerajaan dan agensi swasta.

Langkah demi langkah tambahnya, Pertubuhan WARGAMAS bergerak dengan lebih teratur, berperingkat dan terarah bagi menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah menuju Wawasan Brunei 2035.

"Beberapa kerjasama telah dibuat untuk mendapatkan rakan strategik dengan pihak kerajaan seperti bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam program kolaborasi keagamaan, bekerjasama dengan pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan tidak ketinggalan rakan strategik daripada bank-bank seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Usahawan dan lain-lain," ujarnya lagi.

Acara diteruskan dengan ucapan balas daripada ketua rombongan, diikuti taklimat ringkas Pertubuhan WARGAMAS daripada Setiausaha Agung Pertubuhan WARGAMAS, Dayang Hajah Sinaga binti Haji Swadi dan diakhiri dengan menyaksikan pameran atau Merchandise Biro Ekonomi, Pertubuhan WARGAMAS.

Usaha DBP dalam melahirkan pengkaji muda kritikan sastra

Siaran Akhbar : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastra dan Majalah akan mengadakan Program Mentor Menti Kritikan Sastra 2026 sebagai usaha berterusan dalam melahirkan pengkaji muda yang berpotensi dalam bidang kritikan sastra.

Program berkonsepkan pementoran ini merupakan siri kedua, susulan penganjuran pertamanya pada tahun 2025. Program selama 12 sesi bimbingan akan bermula pada bulan Ogos 2026.

Program ini merupakan antara inisiatif DBP dalam membimbing, mengasah dan memperkasa bakat baharu agar lebih berkeyakinan dalam menghasilkan wacana, penulisan ilmiah dan kritikan sastra yang bernilai. Program ini dihasratkan menjadi wadah pembinaan generasi pelapis yang berilmu, berfikir kritis serta mampu menyumbang kepada perkembangan sastra tanah air.

Pelaksanaan program dimulakan dengan pencarian menti. Hanya 12 pengkaji muda akan dipilih untuk mengikuti program ini setelah melalui proses penyaringan yang ditetapkan.

Antara kriteria menti yang dicari ialah rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berumur antara 18 hingga 40 tahun, mempunyai latar belakang dalam penulisan ilmiah, berminat dan cenderung dalam bidang yang akan dibimbing, serta mempunyai komitmen dan motivasi untuk menerima bimbingan dan berusaha mencapai matlamat program. Pengalaman mengikuti peraduan atau bengkel kritikan sastra atau yang sebanding dengannya akan menjadi satu kelebihan.

Orang ramai yang berminat dan memenuhi kriteria yang ditetapkan dialu-alukan untuk menyertai pencarian menti ini. Tarikh tutup penyertaan pada Sabtu, 18 Julai 2026. Pendaftaran boleh dibuat melalui imbasan Kod QR yang disediakan pada poster rasmi program. Hanya calon menti yang berjaya akan dihubungi oleh pihak urus setia.

Program Mentor Menti Kritikan Sastra 2026 ini diharap akan dapat memperluas ruang pembelajaran, memperkukuh budaya ilmu dan menyemarakkan lagi kegiatan kritikan sastra di NBD, khususnya dalam kalangan generasi muda yang berminat untuk mendalami bidang persuratan dan pemikiran bangsa.

39 BELIA SERTAI PROGRAM LITERASI PENERANGAN



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

BERAKAS, Khamis, 25 Jun. - Sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong, selama dua hari pada 25 dan 27 Jun 2026.

Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong kali ini disertai oleh seramai 39 belia dari Daerah Tutong yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kampus Sinaut, Daerah Tutong; Universiti Teknologi Brunei, Universiti Al-Azhar, Mesir dan para penuntut daripada institusi pengajian tinggi iaitu Politeknik Brunei (Kampus Lumut), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

dan Laksamana College of Business (LCB).

Hadir pada Majlis Pembukaan program tersebut yang bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan daripada UNISSA, Kampus Sinaut dan Jabatan Penerangan.

Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman, selaku Pengerusi Program dalam ucapannya antara lain menyentuh bahawa Program Literasi Penerangan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam merealisasikan visi jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', di samping terus memperluaskan penyampaian maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan melalui

pelbagai platform dan pendekatan yang bersesuaian.

"Jabatan Penerangan menyedari bahawa golongan belia merupakan aset penting negara dan memainkan peranan besar dalam mencorakkan masa depan Negara Brunei Darussalam.

"Sehubungan itu, program ini diwujudkan khusus bagi memberikan pendedahan kepada para belia mengenai dasar-dasar negara, kenegaraan, pembangunan diri serta nilai-nilai jati diri sebagai anak Brunei dan serta memupuk kesedaran terhadap kepentingan keterangkuman (*inclusivity*)," ujarnya.

Beliau turut berharap agar program ini dapat memberikan impak positif, dalam memupuk semangat kepimpinan, kerjasama, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial kepada para peserta dalam memajukan diri yang secara tidak langsung akan membantu negara ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.



SESI bergambar ramai Program Literasi Penerangan (kiri). Sementara gambar atas, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor semasa menyampaikan taklimat.

Sepanjang program dua hari ini, para peserta didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa termasuk memahami konsep keterangkuman (*inclusivity*) melalui pengisian seperti taklimat, aktiviti dan lawatan ke agensi-agensi yang terpilih.

Para peserta diberikan taklimat antaranya mengenai 'Aspirasi Belia' oleh Pegawai Penyelaras Dasar Belia Negara dan Strategi, Dayang Nur Iffah binti Kamarulzaman dan Pekerja Tingkat II dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Wardi bin Ismail dan 'Isu buli dalam kalangan belia' dari Kaunselor Pelawat UNISSA, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Selain itu, para peserta juga

mengadakan lawatan ke Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan dan Pusat Bahagia Tutong, Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS, di mana mereka berpeluang mendengarkan taklimat dan lawatan ke kelas-kelas pertanian dan ternakan, masakan dan makanan, jahitan dan songkok serta kraf tangan dan lukisan yang disertai dan dibuat oleh pelatih pusat berkenaan.

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform pembauran maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.

PPDB hadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Mengenai Perdagangan Orang Ke-16



MESYUARAT tersebut memfokuskan isu perdagangan orang yang berkaitan penipuan dalam talian dan penggunaan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI), selaras dengan pelaksanaan protokol untuk mencegah, menahan dan menghukum perdagangan orang terutama dalam kalangan wanita dan kanak-kanak.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

VIENNA, AUSTRIA, Jumaat, 26 Jun. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pegawai - pegawai Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), dalam kapasiti sebagai wakil Jawatankuasa Kerja Kebangsaan bagi Anti-Pemerdagangan Orang, menghadiri Mesyuarat Kumpulan

Kerja Mengenai Perdagangan Orang Ke-16 di Vienna International Centre (VIC), Vienna, Austria.

Mesyuarat anjuran United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) berkenaan diadakan selama dua hari bermula 24 hingga 25 Jun 2026.

Mesyuarat tersebut merupakan kesinambungan daripada

keputusan 4/4 bertajuk 'Perdagangan Manusia' yang dicapai pada sesi keempat Persidangan Pihak kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNODC), yang menubuhkan satu Kumpulan Kerja interim tanpa had masa bagi menasihati dan membantu persidangan dalam melaksanakan mandat berkaitan Protokol untuk Mencegah, Menahan dan Menghukum

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Jun. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter pembayaran di kesemua cawangan TAP akan ditutup pada Selasa, 30 Jun 2026 sempena penutupan kewangan setengah tahun bank.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan kaunter pertanyaan, kaunter pendaftaran, perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah (www.tap.com.bn) dan Kiosk e-Info TAP akan beroperasi seperti biasa pada tarikh berkenaan.

Bagi ahli Skim Tabungan Perumahan (STP), pembayaran caruman bagi Jun bolehlah dibuat melalui perbankan dalam talian selewat-lewatnya pada Selasa, 30 Jun 2026.

Perkhidmatan kaunter pembayaran bagi kesemua cawangan akan kembali beroperasi seperti biasa pada Rabu, 1 Julai 2026.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2722929 atau melalui e-mel ask@tap.com.bn semasa waktu bekerja.

Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti laman media sosial TAP melalui Facebook atau Instagram @TAP_brunei.

Pemerdagangan Manusia, terutama dalam kalangan kumpulan rentan iaitu wanita dan kanak-kanak.

Menerusi Resolusi 7/1 bertarikh 10 Oktober 2014, persidangan seterusnya menetapkan Kumpulan Kerja Mengenai Perdagangan Orang sebagai elemen tetap persidangan yang menyalurkan laporan serta cadangan, dan digalakkan bersidang setiap tahun mengikut keperluan.

Mesyuarat ini dihadiri peserta daripada pelbagai bidang merangkumi pakar

penguatkuasaan undang-undang dan pengadilan hukum, pegawai berkepakaran siber dan teknologi maklumat, serta pakar dari latar belakang sosial, perlindungan mangsa dan pembuat dasar.

Antara fokus utama ialah isu perdagangan orang yang berkaitan penipuan dalam talian dan penggunaan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI), selaras dengan pelaksanaan protokol untuk mencegah, menahan dan menghukum perdagangan orang terutama dalam kalangan wanita dan kanak-kanak.



Sindiket dadah musuh sejagat

melarang keras umatnya daripada mendekati perkara-perkara yang boleh memudaratkan diri dan masyarakat seperti meminum arak, berjudi, rasuah serta penyalahgunaan dadah dan bahan lain yang mengkhayalkan. Setiap perkara yang memabukkan atau menghilangkan kewarasan akal adalah haram, sebagaimana hadis daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Setiap yang memabukkan itu ialah arak dan setiap yang memabukkan itu adalah haram". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Dalam syariat Islam, larangan bukan sahaja kerana ia memabukkan atau menghilangkan kewarasan akal tetapi juga kerana ia meruntuhkan Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Apabila akal rosak, maka rosaklah pertimbangan, lalailah tanggungjawab dan terbukalah pintu kepada pelbagai kerosakan dan jenayah. Oleh yang demikian, setiap individu hendaklah sentiasa memelihara diri dan menjauhi daripada terlibat aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram kerana perbuatan tersebut bukan sahaja dilarang oleh syarak dan undang-undang negara, malahan boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk kepada diri sendiri dan juga orang terdekat akan turut terdedah masalah lain.

Antara kesan negatif dan kemudaratannya akibat penyalahgunaan serta pengedaran dadah haram ialah bahan tersebut akan menjadikan seseorang itu khayal, merosakkan organ tubuhnya, melemahkan akalnya dan menyebabkan ketagihan sukar dihentikan. Lebih buruk lagi, penagih dadah akan melakukan kekerasan, merosakkan harta benda dan menyebabkan kecederaan sehingga menghancurkan institusi rumah tangga, memporak-perandakan keharmonian keluarga serta menjejaskan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Selain itu, gejala ini juga mampu menyebabkan pelbagai masalah sosial seperti meningkatkan kadar jenayah dan mengancam keselamatan serta kestabilan negara. Oleh itu, sekiranya penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram tidak dibendung dan ditangani dengan segera serta berkesan, perkara tersebut dikhuatiri akan membawa

kepada keruntuhan akhlak, kehancuran umat dan menjejaskan kemakmuran negara pada masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada ancaman penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram yang didalangi sindiket dadah. Pelbagai usaha pencegahan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa, statistik yang dikeluarkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) menunjukkan bahawa kes-kes berkaitan dadah masih berlaku dan memerlukan perhatian serius daripada semua pihak.

Statistik tangkapan bagi tahun 2025 mencatatkan seramai 709 orang telah ditangkap atas kesalahan berkaitan dadah. Angka ini jelas menunjukkan bahawa ancaman dadah masih berada pada tahap yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu melalui kerjasama, kesedaran serta keprihatinan seluruh lapisan masyarakat demi melindungi generasi, keluarga dan negara daripada bahaya dadah. Statistik ini hendaklah menjadi peringatan, bukan sahaja untuk didengar dan dibaca tetapi untuk diambil iktibar. Sebaliknya, setiap kes dadah, ada keluarga yang terbeban, ada masyarakat yang terancam dan ada masa depan anak bangsa yang boleh terkorban.

BKN menegaskan bahawa hukuman berat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman minimum lima tahun penjara dan lima sebatan dan hukuman maksimum 20 tahun penjara dan 15 sebatan dan jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dimiliki, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu dan bekerjasama dengan pihak BKN dalam usaha mencegah serta memberantas kegiatan sindiket pengedaran dadah haram di negara ini. Hal ini kerana kegiatan sindiket dadah dijalankan secara terancang dan tersusun, malah sering melibatkan ahli keluarga serta kenalan rapat kepada dalang utama yang bersubahat atau dijadikan orang suruhan. Lebih membimbangkan, golongan bawah umur juga turut diperalatkan untuk menjalankan aktiviti pengedaran dadah haram. Taktik ini digunakan bagi

mengelirukan pihak berkuasa dan melindungi kegiatan sindiket daripada dikesan.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengambil berat terhadap pergaulan, tingkah laku dan aktiviti anak-anak serta ahli keluarga agar mereka tidak mudah terpengaruh atau terjerumus dengan helah licik sindiket yang sering menggunakan janji manis seperti tawaran pekerjaan dengan gaji lumayan atau peluang melancong secara percuma ke luar negara bagi memerangkap mangsa. Justeru, sikap prihatin, budaya saling menasihati dan penerapan nilai-nilai murni dalam institusi keluarga amat penting dalam melahirkan masyarakat yang selamat, sejahtera dan bebas daripada ancaman dadah.

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai bahaya penyalahgunaan serta pengedaran dadah haram yang didalangi oleh sindiket dadah, musuh sejagat yang mengancam keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan juga negara. Kita juga hendaklah terus berusaha dengan penuh iltizam untuk membendung dan mencegah gejala ini daripada merosakkan generasi, memusnahkan institusi keluarga serta menggugat keamanan negara. Kepada para ibu bapa dan penjaga, sentiasa peka terhadap perubahan anak-anak, pergaulan mereka, penggunaan telefon bimbit, penggunaan wang dan tingkah laku yang mencurigakan. Jangan kerana malu, kita membiarkan kerosakan menjadi lebih parah. Dapatkan nasihat-nasihat, bimbingan dan bantuan daripada pihak yang berkenaan dan berkuasa.

Akhirnya, kita berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mencurahkan hidayah, melimpahkan rahmat dan mengurniakan maghfirat kepada kita semua. Dengan anugerah itu bangsa dan negara kita akan sentiasa dalam lindungan-Nya berkeadaan aman sejahtera. InsyaaAllah, *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang makruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan". (Surah Ali-Imran, ayat 104)

Peserta Kempen Quit2Win 2025 diraikan

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



BERAKAS, Rabu, 24 Jun. - Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Quit2Win 2025 yang dianjurkan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah berlangsung pagi tadi, bertempat di

Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan. Majlis ini disempurnakan oleh Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Dayang Siti Rosemawati binti Haji Md. Yussof selaku tetamu kehormat majlis.

KETUA Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Dayang Siti Rosemawati binti Haji Md. Yussof hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Quit2Win 2025 kepada salah seorang penerima.

Kempen Quit2Win berkenaan diadakan bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok serta mempertingkatkan usaha-usaha dalam meningkatkan kadar perokok atau pengguna rokok elektronik yang berjaya berhenti merokok dan / atau vape melalui pemberian insentif kepada mereka yang berjaya berhenti pada penghujung kempen. Pada tahun ini juga, pihak Pusat Promosi Kesihatan memberikan insentif kepada Kaunselor Klinik Berhenti Merokok

terbaik sepanjang kempen tersebut.

Kumpulan sasaran kempen ini ialah para perokok atau pengguna rokok elektronik yang berminat untuk berhenti dan mendaftar di Klinik Berhenti Merokok bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Mei 2025. Para peserta kempen dikehendaki mengikuti program di Klinik Berhenti Merokok selama enam bulan secara berterusan. Kempen ini disertai oleh seramai 79 peserta, di mana 14 peserta berjaya berhenti merokok dan/atau vape selama enam bulan selepas kempen. Namun, hanya 11 peserta yang berjaya berhenti merokok dan / atau vape selepas setahun kempen diadakan.

Kesemua 11 pemenang telah membawa pulang baucar bernilai BND100 setiap seorang. Pemenang-pemenang tersebut terdiri daripada

Pengiran Masdar bin Pengiran Ismail, Awang Md. Shaiful Sufrien bin Mohd. Amirul Hamdie, Awang Shukri bin Ali, Awang Haji Mohammad Ashari bin Abdullah, Awang Baharin bin Bakri, Awang Hamzah bin Haji Md. Sofian, Awang Suhaimi bin Haji Mustapha, Awang Mohd. Hilmi Sunard Ridhuan bin Md. Zain, Awang Eddy Eskandar bin Mustaffa, Awang Affendy bin Ibrahim dan Awang Md. Naqib bin Abdul Gani.

Manakala penerima baucar BND100 bagi Kategori Kaunselor Terbaik ialah Dayang Erneshamyazah binti Samsudin, Jururawat dari Klinik Berhenti Merokok, Pusat Kesihatan Seria.

Kementerian Kesihatan juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta dan kaunselor Klinik Berhenti Merokok atas komitmen dan dedikasi mereka sepanjang menjalani kempen tersebut.

SINDIKET DADAH MUSUH SEJAGAT


 جياتن حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 10 Muharram 1448H / 26 Jun 2026M



Sila Imbas Untuk Khutbah Lengkap

Setiap perkara yang memabukkan atau menghilangkan kewarasan akal adalah **Haram**.



Berjudi



Meminum
Arak



Rasuah



Dadah

Kesan negatif dan kemudaratan akibat penyalahgunaan serta pengedaran dadah haram ialah:

- Menjadikan seseorang itu khayal
- Merosakkan organ tubuh
- Melemahkan akal
- Menyebabkan ketagihan sukar dihentikan



Lebih buruk lagi, penagih dadah akan melakukan kekerasan, merosakkan harta benda dan menyebabkan kecederaan sehingga menghancurkan institusi rumah tangga, memporak-perandakan keharmonian keluarga serta menjejaskan kesejahteraan hidup bermasyarakat.



Selain itu, gejala ini juga mampu menyebabkan pelbagai masalah sosial seperti:

- Meningkatkan kadar jenayah
- Mengancam keselamatan
- Kestabilan negara

Biro Kawalan Narkotik menegaskan bahawa hukuman berat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman minima lima tahun penjara dan lima sebatan dan hukuman maksima dua puluh tahun penjara dan lima belas sebatan dan jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dimiliki, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

1. BILANGAN SEBUT HARGA:
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ04
“Quotation For The Immediate
Supply, Delivery And Installation
Of A4 Colour Laser Printers”

2. BILANGAN SEBUT HARGA:
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ05
Quotation For The Immediate
Supply, Delivery And
Installation A3 Colour Laser
Printers”–

3. BILANGAN SEBUT HARGA:
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ06
“Quotation For The
Immediate Supply,
Delivery And Installation
Of A4 Scanner”–

Tarikh Tutup:
Tidak lewat jam
2.00 petang,
Rabu, 1 Julai 2026



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**1. MOE / LTK / 24 / 2026 / 2027
(AKS-JUN-2026)**

Tawaran Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Ke Atas
Bangunan Sekolah-Sekolah
Dan Maktab-Maktab,
Kementerian Pendidikan Bagi
Sekolah Menengah Katok,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Perkhidmatan
Dua (2) Tahun

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan)

**2. MOE / LTK / 25 / 2026 / 2027
(AKS-JUN-2026)**
Tawaran Perkhidmatan



Kawalan Keselamatan Ke Atas
Bangunan Sekolah-Sekolah
Dan Maktab-Maktab,
Kementerian Pendidikan Bagi
Sekolah Menengah Pengiran Isteri
Hajah Mariam,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Perkhidmatan
Dua (2) Tahun

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
14 Julai 2026
Selasa
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
15 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
One - Off Comprehensive
Cleaning And Desilting
Of Sewerage Manhole,
Grease Traps, Gully Traps And
Sewer Pipelines At Municipal
Food Premises In
Kuala Belait And Setia

Kategori:
Ka04 - Cleaning And
Desludging Of Sewerline,
Septic Tanks, Pumping Stations
And Treatment Works

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II,
Kategori KPB04 dan KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Tidak lewat
Selasa,
14 Julai 2026
jam 2.00 petang.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / 4.1 / KAD JEMPUTAN /
E / 2026

Tajuk Tawaran:
Sebut harga Mencetak dan
Membekal Kad-Kad Jemputan
VVIP Lembaran Kenangan Kad
Menu Santap dan Kad Label
Meja, Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-80
Tahun Peringkat Daerah Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
30 Jun 2026
(Selasa)



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Keterangan Projek:
Membekal Peralatan Pejabat
Iaitu Mesin Pencetak

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Bilangan Tawaran:
7 / BBS / SH / BPL / PP /
2026-2027

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Julai 2026
jam 2.00 petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
02-2026) JAPEM / KRK /
TEN /KEBERSIHAN

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang
Kebersihan Dan Dapur
Bagi Kompleks Rumah
Kebajikan (KRK) Untuk
Tempoh 5 Bulan

Bilangan Sebut Harga:
03-2026) JAPEM / KRK /
TEN / ANK DAMIT

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang Keperluan
Penjagaan Anak Damit Bagi
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) Untuk Tempoh 5 Bulan

Tarikh Tutup:
Tidak lewat pada
Khamis,
2 Julai 2026
jam 2.00 petang.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**09 / BBS / SH / BKA /
2026 - 2027**

Kerja-Kerja Membekal,
Membuka Dan Mengganti
Baharu Pendingin Hawa
Di Pejabat Bahagian
Kewangan Dan Lobi Aras
Bawah Kaunter Pembayaran
Di Bangunan Utama
Jabatan Bandaran
Kuala Belait
Dan Setia

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II, Kategori M01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
7 Julai 2026
(Selasa)



**04 / BBS / SH / BKA /
2026 - 2027**

Kerja-Kerja Deblocking Saluran
Lubang Utama Serta Penggantian
Saluran Paip Singki Pada
Bangunan Gerai Bunga
Simpur Kuala Belait
Di Jalan Bunga Simpur,
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II,
Kategori KPB04 dan KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
7 Julai 2026
(Selasa)




**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2026-2027 / 13 /
ADMIN / 02

Tajuk Sebut Harga :
Insuran Berkelompok
Perlindungan Diri Bagi Seramai
318 Orang Pegawai Dan
Kakitangan Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup :
Rabu,
8 Julai 2026,
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Tajuk Iklan:
To Supply And Install New
Stainless Steel Water Tank &
Pump
Dining Hall Kompleks
Rumah Kebajikan Subok

Rujukan Iklan:
JAPEM / UPE-KRKWATERTANK /
RB26

Tarikh Tutup:
Khamis,
2 Julai 2026,
jam 2.00 petang.


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 02 / 2026-2027

Tajuk Tawaran:
General Servicing, Hydraulic
System Repair And Maintenance
Works For JCB 3DX Super 4wd
Backhoe Loader (BG2484)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Rabu, 8 Julai 2026
jam 2.00 Petang.


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 018 / 2026

Tajuk Tawaran:
Integrated Maintenance
Services Contract:
Main Power Train
Equipment Maintenance

Tarikh Tutup:
7 Julai 2026
Selasa

Yuran Tawaran:
BND5,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan,

BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:

Original Equipment Manufacturer
(OEM) OR Independent Service
Provider OR Joint Venture
Companies OR Companies
Registered with ROCBN.
Tenderers must have a
minimum of 10 years'
experience in related
Gas and Steam
Turbine maintenance.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi dari di
Tingkat Empat (4),
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, di Unit
Tawaran dan Sebut Harga,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.


**NOTIS
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

**TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT
STKRJ KAMPUNG RIMBA**

RUJUKAN: KPN / DIL / RFP (03/2026)
BAYARAN YURAN TAWARAN / PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online:
BND2,000.00 (Tidak dikembalikan)

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapi RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar e-mel kepada alamat e-mel: hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

1. **A) Pelabur tempatan: Copy of Certificate of Business Registration (Section 16 and Section 17)/Form X; atau**
B) Pelabur luar negara: Copy of Certificate of Business Registration in respective country
 2. **Alamat penuh syarikat**
 3. **Alamat e-mel syarikat yang aktif**
 4. **No. handphone syarikat yang aktif**
- Tarikh penerimaan dokumen RFP **mula: 27th Jun 2026 (Sabtu)**
 - Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **30th Julai 2026 (Khamis)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **14.30 – 15.30 petang**
 - Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program Government Land Lease (GLL) melalui alamat e-mel: eoil.dil@mod.gov.bn
 - Tarikh RFP **Tutup: 29th September 2026 (Selasa) Jam 2.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT STKRJ KAMPUNG RIMBA**

Pelabur luar negara dibenarkan untuk mengemukakan dokumen RFP yang telah dilengkapi secara elektronik dalam format fail ZIP termampat ke alamat e-mel ltk.mod@mod.gov.bn

Sebarang dokumen RFP yang diterima selepas tarikh dan masa tutup yang dinyatakan adalah dianggap lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI


IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 03 / 2026-2027

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Installation, Testing And
Commissioning Of Free-Standing
Electric Vehicle (EV) Charging
Stations With Integrated Payment
System For Ministry Of Primary
Resources And Tourism

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
2 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

JPt / TAW / 04 / 2026-2027:

Membekal Perkhidmatan
Pengawal Keselamatan
Bagi Kawasan Dan
Bangunan-Bangunan
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Terunjing,
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan Selama
Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
28 Julai 2026



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU /
LOG / TA / 1002

Pembelian Cargo Towing Tractor
Bagi Unit 35 Skuadron Cawangan
No.3 Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
**seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu
Selasa,
7 Julai 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Julai 2026
2.00 Petang



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**

1. 08 / 2026 / 2027
"The Supply And Delivery Of
High-End Desktop PC And
Monitor For Town And
Country Planning Department,
Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam"

2. 09 / 2026 / 2027
"The Supply And Delivery Of
Sketchup Studio And Lumion
Studio For Town And Country
Planning Department,
Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup:
Sabtu,
11 Julai 2026
Sebelum jam
2.00 petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
10 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 26 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap
Semula Jalan Utama

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

UNISSA / SB0012 / 2026 / 2027 –
Supply And Delivery Of
Custom-Made Trolley For
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Tarikh Tutup:
Tidak Lewat
Rabu,
8 Julai 2026,
Jam 2.00 Petang.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengikat serta sukuk / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (PISKO) yang terkini
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Berkas / dokumen / Paperless Perkhidmatan Awam / letakkan-bekas / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKAT II JABATAN MUFTI KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/JUN/06/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	04 JULAI 2026
2.	PENOLONG PEGAWAI PERANGKAIAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JUN/01/JJK	KEMENTERIAN KEWANGAN	01	7(A)	04 JULAI 2026
3.	PENOLONG JURUAUDIT AGUNG JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JUN/07/JPM	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	04 JULAI 2026
4.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUN/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	06 JULAI 2026
5.	PENOLONG PENGARAH KEWANGAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JUN/02/KPDK	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	08 JULAI 2026
6.	PENOLONG PENGARAH (KEWANGAN) KEMENTERIAN KESIHATAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JUN/02/KKS	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	08 JULAI 2026
7.	PEGAWAI KERJA PEJABAT SETIAUSAHA TETAP (PENGAJIAN TINGGI) KEMENTERIAN PENDIDIKAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUN/01/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	7(A)	08 JULAI 2026
8.	JURUGAMBAR TINGKAT II KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) 2026/JUN/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	01	7(A)	08 JULAI 2026

PERATURAN 7(A) LUAR BIDANG KUASA:

Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	WADAR JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/JUN/08/JPM	JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI, JABATAN PERDANA MENTERI	7(A) LUAR BIDANG	24 JUN 2026

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH MELALUI:
ALAMAT: UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN, JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI, SIMPANG 1111, JALAN TUTONG, KG SINAUT, MUKIM KERIAM DAERAH TUTONG, TB1741, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
NO.TEL: 4250329 EXT 311

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun, Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
5. Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos, Mukim Keriam

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat e-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
**Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat E-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn


**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027/07**

Kerja-Kerja Pengawasan Makhluh Perosak (Pest Control) Blok B Dan C Dan Kawasan Kantin Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 14 Julai 2026,
jam 2.00 Petang


**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 01

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dokumen-Dokumen
Bagi Keperluan
Banci Tahunan Perusahaan
(BTP) 2026

Tarikh Tutup:
Sabtu, 4 Julai 2026,
Jam 9.00 Pagi


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
07 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Tawaran Membekalkan Kain & Upah Menjahit Pakaian Seragam Pegawai-Pegawai Beruniform Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
21 Julai 2026
(tidak lewat dari
jam 2.00 petang)


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(47) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Gambar Bagi Tempoh 1 Tahun Secara Kontrak Bagi Tahun 2026/2027

Yuran:
Dikenakan Bayaran
BND5.00
(Tidak Di Kembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
2 Julai 2026,
Jam 8.00 Pagi


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / TA / GSU / 001 [JPPK /
LTN / 01 / 2026]
Proposed New K9 Office
Building & Clinic Building At
GSU Sungai Akar Camp

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima Belas
(15 Bulan)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 19 Jun 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Jun 2026
2.00 Petang



**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
TA / PEN / 002
(JPPK/LTK/15/2026)
Proposed Construction For
Fencing Enclosing The Gaps To
The Existing Perimeter Fencing,
Special Force Regiment,
Penanjong Garrison.

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 7 Julai 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Tajuk Tawaran:
JPt / TAW / 01 / 2026 - 2027
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di
Daerah Brunei Muara
Zon 'B' Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Julai 2026
Tidak lewat
jam 2.00 petang





HARI ANTARABANGSA MENENTANG PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH HARAM 2026



JADILAH BENTENG PENCEGAHAN.
BERSAMA MENCEGAH. BERSAMA BERTINDAK.



**TINGKATKAN
KESEDARAN**

Ilmu pengetahuan
memperkasa diri.



**PERKUKUH
KELUARGA**

Sokongan keluarga
benteng utama.



**BINA KOMUNITI
SEJAHTERA**

Bersatu menolak dadah,
ke arah masa depan lebih cerah.



LAPORKAN
AKTIVITI MENYALAH
UNDANG-UNDANG

Jadilah mata dan
telinga masyarakat.



KATAKAN 'NDA!' PADA DADAH. BERSAMA KITA LINDUNGI KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA.

BANTU, SANTUNI GOLONGAN MEMERLUKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'



PENGHULU Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah semasa mengadakan lawatan ziarah ke kediaman sebuah keluarga yang memerlukan perhatian dan pemedulian.

BERAKAS, Khamis, 25 Jun. - Dalam usaha memperkukuhkan budaya keprihatinan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat, Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah bersama Ketua Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak

Kanan, Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim, baru-baru ini telah mengadakan lawatan ziarah ke kediaman sebuah keluarga yang memerlukan perhatian dan pemedulian di Kampung Kawasan 1 RPN Lambak Kanan. Lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif

Kebajikan Mukim Berakas 'B' 'Sentuhan Ihsan: Menyantuni Komuniti', yang diunkayahkan oleh barisan pimpinan Penghulu Mukim, Ketua-ketua dan Pemangku - pemangku Ketua Kampung (PMKK) Mukim Berakas 'B' sebagai platform untuk mendekati serta memahami keperluan masyarakat secara lebih menyeluruh.

Melalui lawatan berkenaan, rombongan berpeluang meninjau keadaan keluarga tersebut dengan lebih dekat, selain mendengar sendiri cabaran yang dihadapi bagi mengenal pasti bentuk bantuan dan sokongan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkaitan.

Sebagai tanda keprihatinan, barangan makanan asasi turut disampaikan kepada keluarga berkenaan bagi membantu meringankan sedikit beban yang mereka tanggung.

Penghulu Mukim Berakas 'B' menegaskan bahawa usaha menyantuni dan pemedulian masyarakat yang memerlukan, akan terus diperkasakan dari semasa ke semasa, sejajar dengan aspirasi untuk mewujudkan sebuah komuniti yang prihatin, saling membantu, tidak *camah mata* dan tidak membiarkan mana - mana anggota masyarakat tercicir daripada perhatian.

Melalui Instagram Mukim

Berakas 'B', beliau turut mengalu - alukan kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat mengenai penduduk yang memerlukan bantuan melalui ketua-ketua kampung di kawasan masing-masing atau melalui saluran komunikasi Instagram yang disediakan oleh Mukim Berakas 'B'.

Inisiatif seperti ini diharapkan terus menyemarakkan semangat kemasyarakatan serta memperkukuhkan jaringan sokongan sosial dalam kalangan penduduk Mukim Berakas 'B', selaras dengan slogan mukim, 'Mukim Bersih, Akal Sihat, Masyarakat Harmoni Bermuafakat'.

Operasi Kakas kesan pelbagai kesalahan



SEKITAR operasi berkenaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Jun. - Dalam usaha untuk memberantas isu pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei

Darussalam (NBD), dua operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK)

di mana menyasarkan kepada rumah-rumah sewa di Mukim Mentiri dan Mukim Berakas 'B'.

Operasi Kakas 64 / 2026 telah menyasarkan di rumah sewa di Mukim Mentiri. Hasil operasi menyaksikan sembilan warga asing telah diperiksa semasa operasi tersebut di mana enam daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Lima orang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa dan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja dengan majikan lain.

Manakala itu, seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa dan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Sementara Operasi Kakas 65 / 2026 menyasarkan di rumah sewa di Mukim Berakas 'B'. Hasil operasi di mana dua warga asing telah diperiksa yang membawa kepada penahanan seorang warga asing ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Warga asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini dan juga kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi talian Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang di +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



كمتيرين كصحتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Tekanan darah tinggi



Kolesterol tinggi



Kencing manis



Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perincian berurusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan stroke.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 30-75 tahun; dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 20-65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123





DARI MAHKAMAH

**Miliki rokok :
Lelaki tempatan didenda**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

KUALA BELAIT, Khamis, 25 Jun. - Lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND47,000 atau 15 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairul Arni menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Haji Mohammad Jefri bin Mahmud, 53 tahun, di Mahkamah Majistret, hari ini. Defendan mengaku bersalah memiliki 38 karton dan 86 paket rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bersama Pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Cawangan Kuala Belait, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bertempat Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan 'A', Kuala Belait pada 6 Mei 2023 pukul 3.05 petang.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok pelbagai jenis dihukum rampas untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan. Manakala wang tunai yang terlibat berjumlah BND115 dihukum rampas kepada kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

SEMINAR KONGSI PENGETAHUAN PRAKTIKAL, KAJIAN KES DUNIA SEBENAR

■ Siaran Akhbar dan Foto : PUJA Academy Sdn. Bhd.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - PUJA Academy Sdn. Bhd. (PUJA) dengan kerjasama Solmax Geosynthetics Asia dan ATH Chevron Sdn. Bhd. telah berjaya menganjurkan seminar teknikal bertajuk 'Interpretation of Soil Investigations Results & Geosynthetics for Civil Engineering Applications', bertempat di Dewan Kuliah, Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Seminar berkenaan telah menarik lebih daripada 44 peserta yang terdiri daripada jurutera, perunding, kontraktor, ahli akademik dan profesional industri daripada sektor pembinaan dan infrastruktur.

Seminar turut menampilkan pembentangan oleh Ir. Dr. Lee Lin dan Ir. Albert Lim Lum Kong, yang berkongsi kepakaran mereka dalam bidang kejuruteraan

geoteknik, aplikasi geosintetik dan penyelesaian inovatif untuk pembangunan infrastruktur.

Dalam sesi pertama, Ir. Dr. Lee Lin berkongsi pandangan tentang tafsiran keputusan penyiasatan tanah untuk tujuan analisis dan reka bentuk geoteknik, dengan menekankan kepentingan memahami keadaan bawah permukaan bagi memastikan pembinaan yang selamat dan menjimatkan kos.

Pembentangan berkenaan merangkumi kaedah penyiasatan tanah, penilaian keadaan bawah tanah dan kajian kes mengenai projek penambahbaikan tanah dan penstabilan cerun.

Manakala Ir. Albert Lim Lum Kong pula menyampaikan pembentangan mengenai aplikasi geosintetik dalam kejuruteraan awam. Melalui kajian kes projek dari Republik Singapura, Malaysia, Republik Sosialis Viet Nam dan kawasan pesisir Davao City, beliau telah menunjukkan penggunaan penyelesaian geosintetik untuk perlindungan pantai dan penambakan tanah.

Seminar berkenaan memberi



SUASANA seminar berkenaan yang diadakan di Dewan Kuliah, Universiti Teknologi Brunei (atas dan kiri).

pendedahan kepada para peserta dengan pengetahuan praktikal serta kajian kes dunia sebenar bagi menunjukkan bagaimana penyiasatan geoteknik dan teknologi geosintetik boleh menyumbang kepada pembangunan infrastruktur yang lebih mampan, cekap dan berdaya

tahan.

Acara berkenaan mencerminkan komitmen berkerjasama PUJA untuk memajukan pembangunan profesional dan kecemerlangan teknikal dalam industri kejuruteraan dan pembinaan di Negara Brunei Darussalam.

TASKA YSHHB anjur Sambutan Ilal Hijrah



PENGETUA TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar bawah, sekitar majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Jun. - Seramai 506 murid daripada Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) telah menghadiri Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Hadir pada majlis tersebut ialah Pengetua TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat. Turut hadir, Penolong Pengetua, guru-guru, pembantu guru serta kakitangan TASKA YSHHB.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk meraikan salah satu Hari Kebesaran Islam, mendedahkan murid-murid kepada peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menguji dan meningkatkan perkembangan kognitif serta daya pemikiran mereka melalui aktiviti kuiz keagamaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Muhammad Za'im bin Hamdan iaitu guru agama latihan mengajar dari KUPU SB. Seterusnya, murid-murid mendengar penyampaian kisah mengenai hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Dayang Nurhaziqah binti Haji Mohd. Salleh juga merupakan guru agama latihan mengajar dari KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan Kuiz

Pelajaran Uagama yang melibatkan 14 murid wakil dari kelas Taman Asuhan 3. Aktiviti ini bertujuan menguji kefahaman murid terhadap pembelajaran uagama secara interaktif dan menyeronokkan.

Acara turut diserikan dengan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipimpin oleh Awang Nursyazwi Zawawi bin Shahri dan Awang Haji Muhammad Aniq Zufayri bin Haji Azmi, guru uagama latihan mengajar dari KUPU SB dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz dan sesi bergambar ramai bersama Pengetua TASKA YSHHB.

Melalui Majlis Sambutan Ilal Hijrah ini, murid-murid berpeluang mengenali peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menghayati salah satu Hari Kebesaran Islam. Aktiviti kuiz yang dijalankan turut meningkatkan kefahaman, perkembangan kognitif dan daya pemikiran murid-murid.

Tingkatkan motivasi, keyakinan, kesediaan murid hadapi peperiksaan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Uagama

KILANAS, Rabu, 24 Jun. - Dalam usaha mempertingkatkan pencapaian murid dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Uagama (SSSRU) Tahun 2026, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah - Sekolah Uagama (JKPSSU) Kawasan Brunei IV telah menganjurkan Program An-Najah bertemakan 'Menuju Puncak Gemilang SSSRU 2026' yang diadakan di Bilik Ibadat, Sekolah Uagama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nurul Bolkiah, Kilanas, pagi tadi.

Program berkenaan diadakan sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan motivasi, keyakinan dan kesediaan murid-murid Darjah VI dalam menghadapi peperiksaan awam uagama yang dijadualkan berlangsung pada September depan.

Antara pengisian utama program ialah ceramah motivasi yang disampaikan oleh Pegawai Uagama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Uagama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Turut serta dalam program tersebut ialah murid-murid Darjah VI bagi sesi pagi dari Sekolah Uagama Pengiran Anak



CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Uagama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Uagama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Puteri Majeedah Nurul Bolkiah, Sekolah Uagama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong dan Sekolah Uagama Masin.

Penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat menyuntik semangat, memperkukuhkan azam serta meningkatkan kesediaan mental dan emosi para murid dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik, khususnya dalam Peperiksaan SSSRU Tahun 2026.



ANTARA yang hadir pada Program An-Najah.



Dadah pemusnah generasi, meranapkan harapan negara

Oleh : Ak. Jefferi Pg Durahman
 Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

MASALAH dadah global adalah isu kompleks yang menjejaskan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Ramai individu yang menggunakan dadah menghadapi stigma dan diskriminasi, yang boleh membahayakan kesihatan fizikal dan mental mereka.

Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Perdagangan Haram, atau Hari Dadah Sedunia, diadakan pada 26 Jun setiap tahun untuk mengukuhkan tindakan dan kerjasama dalam mencapai dunia yang bebas daripada penyalahgunaan dadah.

Masalah dadah global ada pelbagai rupa, memberi kesan kepada individu, komuniti dan masyarakat di seluruh dunia. Daripada mereka yang bergelut dengan gangguan penggunaan bahan kepada mereka yang bergelut dengan akibat pengedaran dadah dan jenayah terancang, kesan dadah adalah meluas dan kompleks. Menangani cabaran ini memerlukan pendekatan saintifik, berasaskan bukti yang mengutamakan pencegahan dan rawatan.

Cabaran yang dihadapi dunia dan manusia khususnya ancaman penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram sangatlah membimbangkan dan memberi kesan buruk bukan hanya kepada si pengguna, bahkan kepada seluruh ahli keluarga, masyarakat dan negara yang inginkan keharmonian dan kesejahteraan hidup di dunia ini.

Walaupun di negara kita terus mengekalkan kedudukannya sebagai antara negara dengan kadar penyalahgunaan dadah terendah di dunia, kita tetap perlu memberi perhatian kepada bagaimana golongan belia hari ini melihat isu dadah dan bagaimana kita bertindak balas terhadapnya sebagai golongan dewasa.

Penyalahgunaan dadah bukan sekadar isu jenayah, tetapi juga cabaran sosial dan kesihatan awam yang memerlukan perhatian bersepadu dari semua lapisan masyarakat.

Dari segi perspektif Islam pula, dadah dikategorikan sebagai jenis khamar. Khamar

merupakan istilah yang digunakan di dalam kitab suci Al-Quran yang membawa maksud arak. Mengapa dadah dianggap sebagai khamar kerana fungsi kedua-duanya yang boleh menyebabkan kemabukan atau menjejaskan kewarasan akal fikiran.

Apabila kita membicarakan mengenai isu penyalahgunaan dadah atau pengedar dadah, kenyataan yang pahit untuk diterima adalah hakikat bahawa remaja merupakan antara golongan yang terjerumus ke dalam gejala ini. Sememangnya dadah wajar dikatakan sebagai musuh negara kerana dadah mampu mengheret remaja ke kancah penghinaan dan kehancuran sekali gus meranapkan masa depan negara yang mempertaruhkan nasibnya di tangan remaja. Tidak dinafikan, pelbagai usaha telah diambil bagi membendung masalah yang bersifat global ini, namun hakikatnya ia masih berleluasa menguasai dunia.

Persoalannya, pernahkah kita renungkan nasib bangsa pada masa akan datang sekiranya masalah ini berlanjutan tanpa titik noktahnya?

Dadah memusnahkan kebahagiaan hidup

Sememangnya tidak dapat disangkal lagi bahawa dadah mengundang banyak kesan negatif kepada individu yang menyalahgunakannya. Perubahan yang ketara dapat dilihat dari segi fizikal penagih dadah. Dadah akan bertindak mengubah fungsi biologi pada sistem tubuh seseorang. Individu yang menghambakan diri kepada najis dadah mempunyai risiko yang sangat tinggi menghidap penyakit seperti meningitis, tetanus, endokarditis, AIDS, dan Hepatitis B. Secara keseluruhannya, tubuh badan seseorang yang menagih dadah akan mengalami implikasi yang sangat teruk akibat daripada perbuatan individu itu sendiri.

Keadaan mental dan emosi turut menerima kesan negatif akibat penyalahgunaan dadah. Kesan ke atas mental dan emosi lazimnya dikenali sebagai kesan psikologi, iaitu kesan pengaruh dadah pada otak dan minda. Ini termasuklah rasa

seronok dan khayal atau euforia yang dialami penagih dadah. Mereka seakan-akan tidak berpijak di alam nyata. Pada masa yang sama, seseorang itu akan hilang kawalan diri dan pemikiran. Perwatakan seseorang penagih dadah turut akan berubah. Mereka juga tidak akan berasa segan silu untuk melakukan perkara yang aib serta tidak mempunyai rasa tanggungjawab. Mereka akan terus berada dalam keadaan yang sebegini selagi dadah masih terdapat di dalam badan mereka. Malah semakin lama seseorang itu menagih dadah, lebih banyak pula jumlah dadah yang diperlukan untuk mendapatkan kesan euforia. Fenomena ini disebut sebagai toleran atau keadaan lali yang mana kesan euforia daripada dadah berkurangan apabila digunakan secara berulang kali. Inilah yang menyebabkan seseorang itu tidak putus mencari dan meningkatkan penggunaan dadah. Sekiranya bekalan dadah tidak diperolehi, mereka akan berasa gelisah, tidak dapat memberi tumpuan, dan amat menderita. Mereka cenderung untuk bertindak ganas dan hilang kawalan diri dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan tatasusila dan peradaban masyarakat. Keadaan mental seseorang penagih dadah sangat sukar untuk dipulihkan seperti sedia kala.

Penyalahgunaan dadah bukan sahaja membawa kesan buruk kepada penagih dadah itu sendiri, malah juga kepada keluarga. Individu yang menagih dadah akan mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga. Mereka tidak akan menghiraukan keadaan di sekeliling mereka termasuk keluarga sendiri. Akibatnya nilai-nilai kasih sayang antara ahli keluarga akan semakin terhakis dan akhirnya keluarga berpecah-belah. Selain itu, keluarga juga akan melalui tekanan yang berat, konflik, dan kebimbangan kerana ingin melindungi ahli keluarga daripada kemudaratan dan kerosakan yang dibawa oleh ahli keluarga yang terjerumus ke dalam gejala dadah. Lebih teruk lagi, penyalahgunaan dadah akan lebih menjejaskan golongan kanak-kanak dalam keluarga. Misalnya, ibu atau bapa yang ketagihan dadah akan

menyebabkan anak-anak terbiar. Anak-anak juga tidak akan dapat merasai belaian kasih sayang dan dakapan mesra daripada ibu bapa mereka. Akibatnya, mereka akan berasa terpinggir dan cenderung untuk melakukan aktiviti yang tidak sihat. Hal ini sekali gus meranapkan harapan negara yang beraspirasi untuk melahirkan generasi yang berwawasan.

Di samping itu, jenayah akan terus bermaharajalela akibat penyalahgunaan dadah. Masyarakat tidak lagi akan dapat menikmati suasana kehidupan yang harmoni bahkan individu yang menagih dadah tidak akan dapat berhenti daripada menggunakan dadah dan terus berusaha mencarinya walau dengan apa cara sekalipun sehingga sanggup mencederakan orang lain dan keluarga asalkan mereka dapat memiliki dadah dan terus berada di dunia mereka sendiri.

Begitu banyak kes jenayah yang melibatkan penagih dadah dilaporkan oleh pihak berkuasa antaranya merompak, mencuri, meragut, membunuh dan lebih menyedihkan lagi ada anak yang sanggup membunuh ibu sendiri semata-mata kerana gagal mendapatkan wang untuk membeli dadah.

Kesimpulannya

Sesungguhnya, memang banyak bahaya akibat penyalahgunaan dadah. Oleh itu, dadah dianggap sebagai musuh utama negara. Kerajaan turut melancarkan pelbagai kempen untuk membendung masalah penyalahgunaan dadah. Usaha ini harus disokong dan tidak harus dipikul oleh kerajaan semata-mata. Kita hendaklah bersama-sama bertanggungjawab untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah ini demi keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat umumnya.

Kerajaan komited membina masyarakat yang sihat dan bebas dadah melalui pendekatan yang berasaskan nilai kemanusiaan. Kita mesti memulakan dari akar umbi, keluarga, sekolah dan komuniti kerana di situlah benih kesedaran dapat ditanam.

PROGRAM SEHARI BERSAMA PANDU PUTERI TUNAS 2026 LABUH TIRAI

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



NAIB Yang Di-Pertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang penerima.

BERAKAS, Jumaat, 26 Jun. - Program Sehari Bersama Pandu Puteri Tunas 2026 melabuh tirainya petang tadi dengan majlis penutup yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, dengan kerjasama Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) di Ibu Pejabat PPPBD, Kampung Anggerek Desa.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang serta penyampaian sijil dan emblem kepada para peserta ialah Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali.

Juga menyampaikan sijil penghargaan ialah Ketua Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop.

Hadir sama pada majlis penutup tersebut ialah Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini, dan Timbalan Ketua PPPBD, Dayang Hajah Noriah binti Haji Dollah.

Program Sehari Bersama Pandu Puteri Tunas 2026 merupakan platform pembelajaran tidak formal berasaskan sistem kumpulan yang memberi peluang kepada para peserta untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan potensi diri melalui pelbagai aktiviti

kepanduan yang menarik, interaktif dan mencabar.

Terdahulu pada sebelah pagi, seramai 66 orang ahli Pandu Puteri Tunas sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah Arab di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyertai program berkenaan yang menekankan tujuh elemen 'Star' bagi memperkasa generasi bintang masa depan negara.

Program tersebut diselenggarakan oleh Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD, pemimpin (guru pengawas) Pandu Puteri Tunas, pemimpin muda daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta Pandu Puteri Renjer daripada Pusat Tingkatan Enam (PTE).

Antara pengisian program meliputi sesi suai kenal menerusi 'Star Opener', aktiviti lawatan sambil belajar (Amazing Race) ke Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui 'Star Explorer', serta sukaneka ketangkasan dalam 'Energetic Star'.

Selain itu, aspek kerohanian dan pemeliharaan budaya tempatan turut diterapkan melalui 'Spiritual Star' dan 'Shining Star', yang kemudiannya disusuli dengan aktiviti kreatif kraf tangan menerusi 'Creativity Star'.

Program kemudian diakhiri

dengan impak global melalui 'International Star' yang membawakan sesi perkongsian daripada ahli-ahli 'Girl Scouts of The Philippines - Davao del Sur Council' yang membuat kunjungan ke Ibu Pejabat PPPBD sebagai salah satu pengisian program lawatan mereka di Negara Brunei Darussalam.

Dengan tema 'Bersama Tunas Menuju Bintang' (Together Brownies Reaching for the Stars), program tersebut bertujuan melahirkan ahli-ahli Pandu Puteri Tunas yang berkembang dan bersinar sebagai bintang masa depan negara melalui aktiviti-aktiviti kepanduan yang berteraskan nilai

kepemimpinan, disiplin dan semangat kerjasama.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, program ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kemahiran kepanduan dalam kalangan peserta, di samping meningkatkan kemahiran berfikir, berkomunikasi dan berkolaborasi melalui pelbagai aktiviti berkumpulan.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membentuk sahsiah yang berdisiplin, berkeyakinan dan berdaya tahan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli Pandu Puteri Tunas.

2 buah syarikat didenda kompaun



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Rabu, 24 Jun. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan denda kompaun terhadap dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, baru-baru ini.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah D 'A' Team Store dan Axsell Jaya Insurance Agency Sdn. Bhd. kerana kedua-duanya melakukan kesalahan di tempat awam kawasan simpang masuk Kompleks Berjaya Pekan Tutong.

Kedua-dua syarikat berkenaan melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) dan masing-masing dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 sekala kecil di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan denda kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda kompaun dalam masa tujuh hari daripada tarikh kompaun dikeluarkan maka premis berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan kepada orang ramai, pihak syarikat pemaju dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



ANTARA kesalahan yang didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021 (atas dan atas sekali).

Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi Mei 2026, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit, sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Permohonan Baharu Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak 14 permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak 29 permohonan.

Sementara Permohonan Membaharui Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah sebanyak lima permohonan.

Berikut adalah senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit oleh MUIB, sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui.

Senarai premis bagi Permohonan Baharu Sijil Halal ialah Curry and Chicken Rice Company (Fka : Kari and Chicken Rice Company); Glory 7 Cafe Enterprise; Bakeology.bn.; Cheers Corporation (Fka : The Cheers Restaurant) (Myeongdong Topokki); Rimba Ria Restaurant; The Tandoor (B) Sdn. Bhd. Cawangan Sunway Centre; N-Tre

Restaurant and Catering Cawangan Kuala Belait; Gulu Gulu Hotpot and BBQ; Abu Lion Clear Sdn. Bhd. (Abu Lion Clear Nasi Kandar Restaurant); Ripple Company (Al-Cha) Cawangan Tutong; Otterly Fun Company; Syarikat Dyg. Haminah binti Hj. Razali (Fka: Syarikat Dyg. Haminah bte Hj. Razali dan Anak-anak) (Soto Story by Soto Rosmini) Cawangan Jalan Sungai Pandan; Guren Cafe (Fka : The Roastery); dan Byte Bistro.

Manakala premis bagi Permohonan Baharu Permit ialah Ya-Nur Restaurant Cawangan Jerudong; Sham's BBQ and Grill Cawangan Belait; M.N. Mega Nouvelle Bakery and Restaurant; Satami Food and Catering Services (Pezzo) Cawangan Tutong; Satami Food and Catering Services (Sugarbun) Cawangan Tutong; Satami Food and Catering Services (Pezzo) Cawangan Rimba; Ya-Nur Restaurant Cawangan Mindef Berakas (Kantin); Times Cineplex Sdn. Bhd. Cawangan Tutong; SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim) (Central Kitchen); Buccaneer Restaurant; KFC (B) Sdn. Bhd. Cawangan International Airport Brunei; Syarikat D.K.M.; Siti A'liz Restaurant Cawangan Parit; Nur-Wanita Restaurant and Catering Services Cawangan Kiarong; Nur-Wanita Restaurant and Catering Services Cawangan

Serasa; H.Y. Yussof Restaurant and Catering Services Cawangan Mata-Mata; Makan Ceria Sdn. Bhd. (Mc Donald's) Cawangan Jerudong Park Drive Thru; MPFC Sdn. Bhd. (Dairy Queen) Cawangan The Mall Gadong; MPFC Sdn. Bhd. (Dairy Queen) Cawangan Tanjung Bunut; Puteh Restaurant; The Potato Habit Cawangan Times Square; Makan Ceria Sdn. Bhd. (Mc Donald's) Cawangan Airport Mall; The Embassy Enterprise (Cha Tra Mue) Cawangan Rimba Point; MPFC Sdn. Bhd. (Dairy Queen) Cawangan Bandar Seri Begawan; Restoran Saleha binti Abdullah dan Anak-anak; Sapphira Cake House and Café, Serikandi Cafe and Restaurant Cawangan JIS (Kantin); dan Tenaga Restaurant.

Sementara premis bagi Permohonan Membaharui Permit ialah Ajwad Bakery and Cake House; Mynoodle Factory; Asli-KTM Sdn. Bhd.; Tiong Jaya Restaurant (Fka : Dim Sum Kilanas Restaurant); dan Mutiara Puteh Enterprise.

Bagi senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi KHEU www.mora.gov.bn atau Instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal @halal.bn dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian melalui WhatsApp +673 7103111 atau e-mel kepada Bkmh@mora.gov.bn.



DNA MANUSIA BERUSIA 2,000 TAHUN DITEMUI DI GUA SEPANYOL, PORTUGAL

LISBON, 26 Jun. - Pasukan penyelidik antarabangsa menemui DNA manusia berusia sekurang-kurangnya 2,000 tahun di dinding gua di Portugal dan Sepanyol, memberikan bukti pertama bahawa dinding gua boleh memelihara bahan

genetik manusia selama ribuan tahun, lapor Xinhua.

Menurut laporan oleh Agensi Berita Lusa pada Khamis, menggunakan teknik pengekstrakan dan penjijukan DNA lanjutan, para penyelidik mengesan DNA manusia purba dalam kerak kalsit berpigmen dari Gua Escoural di Portugal, serta

dalam beberapa sampel dinding gua yang tidak berpigmen dari Gua Escoural dan Gua Covaron di Sepanyol.

Penyelidik berkata pada masa hadapan, analisis DNA yang dipelihara pada dinding gua boleh membantu mendedahkan jantina biologi, keturunan genetik dan

pergerakan orang yang pernah memasuki gua, tanpa mengganggu deposit arkeologi.

Pasukan itu memberitahu media,

dinding gua boleh berfungsi sebagai arkib biologi aktiviti manusia prasejarah, menawarkan pendekatan baharu untuk memahami cara orang prasejarah menggunakan gua dan untuk menyiasat identiti pencipta beberapa seni gua. - ©BERNAMA

Republik Perancis kenal pasti, asing 5 kemungkinan kontak pesakit Ebola

PARIS, 25 Jun. - Republik Perancis telah mengenal pasti dan mengasingkan lima individu yang mungkin terdedah kepada Ebola selepas berkongsi penerbangan dengan doktor yang didapati positif virus itu, lapor Xinhua.

Menteri Kesihatan Republik Perancis Stephanie Rist berkata pada Rabu, doktor berkenaan bekerja di Republik Demokratik Congo sebelum kembali ke Republik Perancis.

Menurut menteri, pesakit adalah seorang doktor berpengalaman yang pulang dari misi dan tidak mengetahui beliau dijangkiti virus tersebut.

"Beliau tidak mempunyai simptom ketika menaiki pesawat, dan beliau tidak berjangkit. Memandangkan beliau seorang doktor dan mengalami sakit kepala di dalam pesawat, beliau memaklumkan perkara itu supaya boleh menerima jagaan sebaik

tiba di Paris.

"Lelaki itu ditempatkan dalam pengasingan di hospital sebaik penerbangannya mendarat. Beliau akan kekal di sana selama 21 hari, tempoh inkubasi," tambahnya.

Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah menganggarkan risiko jangkitan bagi individu yang tinggal di Eropah adalah sangat rendah. - ©BERNAMA

32 maut, lebih 700 cedera dalam gempa bumi di Venezuela

MEXICO CITY, 25 Jun. - Sekurang-kurangnya 32 orang maut dan lebih 700 lagi cedera dalam gempa bumi kuat di Venezuela, kata Pemangku Presiden Venezuela Delcy Rodriguez pada Khamis, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Pada masa ini, kami mempunyai data mengenai 32 kematian, tidak mengira angka yang boleh diberikan oleh negeri La Guaira, dan lebih 700 mangsa dimasukkan ke jabatan kecemasan hospital awam dan pusat perubatan swasta," kata Rodriguez dalam ucapan kepada rakyat, seperti yang disiarkan oleh VTV.

La Guaira State ialah wilayah yang paling terjejas, tambah pemangku presiden itu. - ©BERNAMA

Monumen Assyria berusia 2,700 tahun ditemui di Nineveh, Iraq

ISTANBUL, 25 Jun. - Pihak berkuasa Iraq pada Rabu mengumumkan penemuan monumen purba Assyria berusia hampir 2,700 tahun semasa kerja pemulihan di Pintu Gerbang Shamash yang bersejarah di wilayah Nineveh, lapor Anadolu Ajansi, memetik agensi berita tempatan.

Artifak itu ditemui pada 6 Jun oleh misi arkeologi bersama Iraq-Amerika, menurut agensi berita negara Iraq INA. Inspektor Barang Antikuiti Nineveh Ruwaid Muwaffaq al-Laila berkata monumen itu dibina pada zaman pemerintahan Raja Assyria Ashurbanipal, yang memerintah antara 668 dan 627 SM.

Setinggi kira-kira dua meter, monumen batu itu memperingati pencapaian seni bina raja di bandar purba Nineveh. Al-Laila berkata penemuan itu berlaku semasa pembersihan serpihan dan kerja pemulihan di Pintu Gerbang Shamash.

Beliau berkata monumen itu, yang diukir daripada batu marmar Mosul, mengandungi arca raja bersama inskripsi cuneiform yang terukir di belakangnya. Artifak itu kini dalam kajian sebelum rancangan untuk mempamerkannya sama ada di tapak asal atau di sebuah muzium di Mosul, ibu kota wilayah Nineveh, tambahnya. - ©BERNAMA

Raja Salman taja 1,000 jemaah dari seluruh dunia tunai umrah

RIYADH, 24 Jun. - Penjaga Dua Masjid Suci Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud meluluskan kedatangan 1,000 jemaah umrah lelaki dan wanita dari seluruh dunia atas perbelanjaan peribadi beliau di bawah Program Tetamu Penjaga Dua Masjid Suci untuk Haji, Umrah dan Lawatan, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Inisiatif itu dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan. Kumpulan pertama di bawah program itu, yang akan dijalankan dalam empat fasa sepanjang tahun 1448 Hijrah, turut terdiri daripada 250 orang dari 16 negara Asia termasuk Republik Indonesia, Republik Demokratik Timor-Leste, Republik Filipina, Malaysia, Kemboja, Thailand, Republik Sosialis Viet Nam, Republik Demokratik Rakyat Lao, Republik Singapura, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Hong Kong dan Mongolia.

Menteri Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan serta Penyelia Am program Syeikh Dr. Abdullah Al Alsheikh merakamkan ucapan terima kasih kepada Penjaga Dua Masjid Suci dan Putera Mahkota atas penjagaan dan komitmen berterusan mereka untuk berkhidmat kepada Islam dan umat Islam, serta usaha berterusan mereka yang membolehkan umat Islam dari seluruh dunia menunaikan umrah dan melawat tanah suci dengan tenang.

Beliau berkata inisiatif itu mencerminkan dedikasi kepimpinan untuk mengukuhkan ikatan persaudaraan dalam kalangan umat Islam dan menggariskan misi kemanusiaan serta keagamaan Kerajaan Arab Saudi untuk membina jambatan komunikasi dengan cendekiawan, ulama dan tokoh berpengaruh dalam seluruh masyarakat Islam di seluruh dunia. - ©BERNAMA

pelbagai sesi padanan perniagaan.

Selain itu, penekanan juga akan diberikan kepada aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) melalui pameran produk dan pakej penyelesaian AI di pelbagai bidang.

Pameran itu bakal menampilkan

secara menyeluruh produk AI baharu dan teknologi canggih yang digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian, sekali gus mengetengahkan keperluan aplikasi AI di negara-negara ASEAN merangkumi bidang ekonomi, perdagangan serta industri. - ©BERNAMA

Gergasi perisian AS Oracle kurangkan 21,000 pekerjaan dalam setahun

WASHINGTON, 24 Jun. - Gergasi perisian Amerika Syarikat, Oracle mengurangkan kira-kira 21,000 pekerjaan dalam tempoh setahun, bersamaan kira-kira 13 peratus daripada keseluruhan tenaga kerjanya, menurut pemfailan syarikat itu kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) AS, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Sehingga 31 Mei 2026, kami menggaji kira-kira 141,000 pekerja sepenuh masa, dengan kira-kira 49,000 orang bekerja di Amerika Syarikat dan kira-kira 92,000 orang di peringkat antarabangsa," menurut syarikat itu dalam kenyataan pada Isnin.

Setahun sebelumnya, iaitu pada

31 Mei 2025, Oracle melaporkan jumlah tenaga kerja seramai 162,000 orang, termasuk 58,000 pekerja di Amerika Syarikat dan 104,000 di luar negara.

Pengurangan terbesar berlaku dalam bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), yang kehilangan kira-kira 7,000 pekerja, menjadikan jumlah kakitangannya kini kira-kira 43,000 orang. Bahagian Jualan dan Pemasaran pula mengurangkan kira-kira 6,000 pekerja, dengan baki tenaga kerja seramai 25,000 orang.

Bahagian Awan dan Perisian serta unit Perkhidmatan masing-masing kehilangan

kira-kira 3,000 pekerja. Sehingga akhir Mei, kedua-dua unit itu mempunyai tenaga kerja masing-masing seramai 26,000 dan 34,000 orang.

"Kami mungkin melaksanakan pelan penstrukturan semula baharu pada masa hadapan. Selain itu, penggunaan dan pelaksanaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam operasi kami menyebabkan dan mungkin akan terus menyebabkan, pengurangan tenaga kerja," menurut syarikat itu.

Ditubuhkan pada 1977 dan beribu pejabat di Austin, Texas, Oracle antara syarikat perisian terbesar di dunia. - ©BERNAMA

Platform milik Meta alami gangguan global, lapor Downtetector

ISTANBUL, 24 Jun. - Platform media sosial dan aplikasi pemesejan milik Meta, termasuk Facebook, Instagram, Threads dan WhatsApp, mengalami gangguan pada Selasa, lapor Anadolu Ajansi.

Menurut penjejak gangguan

Downtetector, pengguna melaporkan masalah melibatkan perkhidmatan media sosial dan aplikasi pemesejan berkenaan.

Bermula pada 2030 GMT, ribuan pengguna melaporkan masalah sambungan melibatkan

aplikasi dan laman sesawang platform berkenaan. Downtetector mengumpulkan data berdasarkan laporan yang dikemukakan pengguna, yang bermakna jumlah sebenar pengguna yang terjejas mungkin lebih tinggi. -

©BERNAMA

Ekspo China-ASEAN Ke-23 tumpukan perkongsian peluang baharu

NANNING, 24 Jun. - Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) Ke-23 akan berlangsung pada 17 hingga 21 September tahun ini di bandar Nanning, wilayah Guangxi.

CAEXPO yang bertemakan 'Berkongsi Peluang Versi 3.0 dan Bekerjasama untuk Mewujudkan Kehidupan yang Baik' itu, akan mempamerkan sepenuhnya hasil terkini dan hala tuju masa depan kerjasama China-ASEAN.

Para pempamer akan dijemput berkongsi pengalaman praktikal di barisan hadapan, selain menyertai dialog peringkat tinggi dan mengikuti ulasan profesional semasa majlis pelancaran Kertas Biru di ekspo berkenaan, yang turut menampilkan zon pameran ekonomi digital serta zon pameran rendah karbon.

CAEXPO edisi kali ini juga akan memberi tumpuan kepada tiga

komponen utama penjenamaan, iaitu 'Belanja di China', 'Eksport ke China' dan 'Pelaburan di China'.

Pelbagai aktiviti berkaitan, termasuk majlis pelancaran sulung produk baharu serta pameran produk laris, dijangka membantu mempromosikan barangan berkualiti tinggi dari negara-negara ASEAN ke pasaran Republik Rakyat China, selain membantu syarikat terbabit mengadakan

Gabungan ketahanan fizikal, kekuatan mental, gaya hidup sihat



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Mohammad Fuad Haji Mohamad

AMALAN gaya hidup sihat merupakan satu aspek penting dalam kehidupan yang menyumbang kepada kesejahteraan fizikal, mental dan sosial seseorang individu. Walau bagaimanapun, cara seseorang mengamalkan gaya hidup sihat tidak semestinya sama dengan individu yang lain. Perbezaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti umur, jantina, tahap kesihatan. Oleh itu, setiap individu mempunyai keperluan dan pendekatan yang berbeza dalam usaha mengekalkan kesihatan yang optimum.

Selain itu, perkembangan teknologi dan perubahan gaya hidup moden turut mempengaruhi cara individu menjaga kesihatan. Ada yang menggunakan aplikasi kecergasan untuk memantau aktiviti harian, manakala ada juga yang mengamalkan pendekatan tradisional seperti berjalan kaki, berkebun atau menyediakan makanan sihat di rumah. Perbezaan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat satu kaedah yang sesuai untuk semua orang dalam mengamalkan gaya hidup sihat.

Antara sukan yang paling mudah dilakukan tetapi memerlukan tahap konsistensi yang tinggi ialah sukan larian. Aktiviti ini tidak memerlukan peralatan spesifik atau kemudahan khas untuk dilakukan. Seseorang hanya memerlukan pakaian dan sepasang kasut larian yang sesuai untuk memulakan aktiviti ini. Selain itu, larian boleh dilakukan di pelbagai lokasi seperti taman rekreasi, trek olahraga, kawasan perumahan atau pantai. Oleh sebab itu, sukan larian menjadi pilihan ramai individu yang ingin mengamalkan gaya hidup sihat. Aktiviti ini juga sesuai untuk semua

peringkat umur kerana tahap intensitinya boleh disesuaikan mengikut kemampuan dan tahap kecergasan masing-masing. Dengan amalan yang konsisten, larian mampu meningkatkan kesihatan jantung, daya tahan fizikal, kecergasan mental dan kualiti hidup secara keseluruhan.

Pelita Brunei berkesempatan menemui bual dua orang belia yang telah berkecimpung dalam sukan larian iaitu Awang Mohammad Fuad bin Haji Mohamad dan Awang Mohammad Luqman bin Haji Aidil Bahrin.

Menurut Awang Mohammad Fuad, beliau mula berkecimpung dalam sukan larian ini pada tahun 2016 dan sering menyertai acara-acara larian di luar negara tetapi setelah itu beliau berehat lama dan kembali untuk aktif berlari secara serius pada Januari 2025 hingga sekarang.

Pada mulanya, beliau melibatkan diri dalam sukan larian ini adalah bertujuan untuk mengurangkan berat badan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat. Setelah beberapa bulan secara konsisten, timbul rasa untuk mendalami sukan ini dengan menyertai acara-acara larian di luar negara.

Dalam konteks rutin latihan, beliau mengongsikan, dalam dua hari seminggu, beliau akan membuat *double session* iaitu latihan pagi dan petang dan selebihnya beliau akan berlari selepas Sembahyang Subuh sebelum bekerja. Untuk tahun ini, beliau menyasarkan untuk melakukan larian sejauh 100

kilometer (km) seminggu dan sebulan lebih kurang 400km.

Sepanjang beliau mula aktif dalam sukan larian, antara acara larian yang pernah disertai ialah acara 'Larian 9 to 4' di Daerah Temburong pada November tahun lalu dan sering menyertai acara larian dalam Kategori 21km dan 42km di luar negara seperti Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur.

Untuk terus konsisten dalam sukan larian dan pada masa yang sama mengimbangi aktiviti dalam kehidupan seharian, Awang Mohammad Fuad mengongsikan, pembahagian masa adalah penting untuk kekal konsisten apabila kita menceburi sukan larian. Sukan ini bukan semestinya untuk mengejar nama atau podium, ia adalah satu kepuasan untuk beliau secara peribadi kerana beliau berjaya keluar daripada *comfort zone*.

Sementara itu, Awang Mohammad Luqman yang juga aktif dalam sukan larian sejak Januari 2020, pada mulanya beliau berkecimpung dalam sukan larian ini adalah kerana berat badan mula naik dan pada ketika itu, beliau sedang mencari sukan apa yang boleh dibuat untuk menurunkan berat badan. Kebanyakan sukan yang diminati seperti futsal dan badminton memerlukan dan melibatkan orang lain dan masa masing-masing, jadi beliau memutuskan untuk cuba melibatkan diri dalam sukan larian.

Untuk rutin latihan, beliau berlari setiap hari dengan mengikut jadual atau program yang disusun iaitu Isnin dan Rabu, beliau akan melakukan larian *treadmill* dan juga membuat 20 minit hingga 30 minit latihan berat beban (*strength training*); pada Selasa, beliau melakukan *interval training* atau *hill repeats* dan pada Khamis dan

Sabtu, *easy run* selama satu jam, manakala pada Jumaat, *tempo run* selama 40 minit. Pada Ahad, beliau akan melakukan *long run* sekitar 23 hingga 31km ke atas.

"Mengikut *training block* saya, saya mempraktikkan *progressive overload*, di mana saya akan perlahan menaikkan jarak larian dari minggu ke minggu (selama empat minggu dan minggu terakhir saya akan melalui *cutback week* - bagi menyerap badan saya selepas menempuh larian yang saya lalui selama tiga minggu yang lepas. Apa yang dimaksudkan dengan *progressive overload* ialah minggu pertama, *long run*, saya akan berlari 23km; minggu berikutnya 25km hingga 27km, minggu ketiga dalam 30km dan akan melalui *cutback week*, di mana larian *long run* saya adalah sekitar 21km," tambah beliau.

Untuk kekal disiplin dan bermotivasi untuk terus aktif dalam sukan larian, beliau menyatakan adalah penting untuk selalu melihat balik apa niat kita dalam beriadah, selepas itu dengan adanya struktur program latihan yang rapi dan terurus, bukan saja akan membuat kita faham objektif larian tetapi kepentingannya sukan ini.

Dalam pada itu, tambah beliau, sukan ini telah memberi kesan dan impak yang besar dalam amalan gaya hidup yang sihat seperti penurunan berat badan dan kesihatan secara keseluruhannya.

Sejak tahun 2020, antara acara larian yang pernah disertai oleh Awang Mohammad Luqman di dalam dan luar negara ialah Brunei Half Marathon @ Temburong untuk Kategori 10km; Brunei Night Run (10km), Volt Run (10km), Borneo Run (21km); Mejava Ultra (44km);

Standard Chartered Singapore Marathon (Half Marathon); Miri Marathon (Full Marathon); Borneo International Marathon, Sabah (Full Marathon); Kuching Marathon (Full Marathon); VA Run (10km); VA Run (Half Marathon), The Brunei Marathon @ Temburong Bridge (Half Marathon); 9 to 4 Temburong (Full Marathon); Tamar Run (33km); Miri Marathon (Half Marathon) dan Borneo International Marathon, Sabah (Full Marathon).

Untuk para belia yang ingin menceburi sukan larian ini, mulakan dengan menjadikan sukan larian ini sebagai aktiviti harian meskipun hanya mengambil masa 15 minit hingga 30 minit sehari. Jika terus konsisten, secara sendirinya prestasi akan meningkat mengikut keupayaan badan kita.

Begitulah yang dikongsikan oleh Awang Mohammad Fuad dan Awang Mohammad Luqman, mengamalkan gaya hidup sihat ini sangat banyak manfaatnya di samping ia mampu mengekalkan kesihatan dan boleh tercegah daripada penyakit-penyakit. Ambillah peluang dengan kesihatan yang kita ada ini untuk terus konsisten mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Secara kesimpulannya, sukan ini antara sukan yang paling mudah, praktikal dan sesuai diamalkan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu, jadikanlah aktiviti larian ini sebagai sebahagian daripada rutin harian agar dapat menikmati kehidupan yang lebih sihat, aktif dan berkualiti. Dengan semangat, disiplin dan konsistensi, amalan larian bukan sahaja membantu mencapai matlamat kesihatan, malah dapat membentuk gaya hidup yang lebih positif dan produktif.



MEMPERKASA JURULATIH TEMPATAN MELALUI APLIKASI PERIODISASI MODEN



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Rabu, 24 Jun. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan (UKPS), Bahagian Sukan, petang tadi telah mengadakan Majlis Penutup Metodologi Latihan Berprestasi Tinggi : Kursus Perancangan dan Periodisasi Tahun 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Awang Md. Nabil bin Abdul Malik selaku wakil peserta kursus

yang kemudiannya diikuti dengan tayangan video yang memaparkan perjalanan kursus sepanjang dua hari pelaksanaannya.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Penganjuran kursus berkenaan menekankan kepentingan pembangunan atlet berprestasi tinggi melalui latihan yang terancang, berstruktur dan berasaskan sains sukan. Pendekatan berkenaan merangkumi pengurusan beban latihan serta pemantauan adaptasi atlet bagi memastikan prestasi

optimum dapat dicapai secara konsisten.

Metodologi Latihan Berprestasi Tinggi : Kursus Perancangan dan Periodisasi dianjurkan bagi memperkasa jurulatih tempatan melalui aplikasi periodisasi moden serta perancangan kitaran latihan yang sistematik. Pendekatan berkenaan membantu jurulatih membuat keputusan berdasarkan data, mengurangkan risiko kecederaan, dan memastikan atlet mencapai prestasi puncak secara strategik.

Inisiatif berkenaan juga selaras dengan Wawasan Brunei 2035 serta Pelan Strategik Kementerian 2026-2030 dalam usaha

memperkukuh sistem sukan negara, meningkatkan kepakaran tempatan dan melahirkan atlet yang berkualiti tinggi serta berdaya saing.

Sepanjang kursus dua hari berkenaan, selain bertujuan untuk memperkasa kompetensi jurulatih dalam perancangan latihan saintifik, para peserta juga didedahkan kepada perancangan latihan saintifik yang mampu meningkatkan kualiti kejurulatihan negara, di samping menyokong pembangunan atlet secara berperingkat dan mampan. Ia juga bertujuan mengoptimumkan prestasi atlet secara menyeluruh sambil menjamin keselamatan,

motivasi dan keberkesanan latihan.

Melalui kursus berkenaan, para peserta dijangka dapat meningkatkan keupayaan dalam merancang latihan secara lebih saintifik dan berasaskan data, sekali gus mengurangkan risiko 'overtraining', keletihan melampau serta kecederaan.

Pendekatan berkenaan bukan sahaja membantu memaksimumkan potensi atlet, malah menyokong pembangunan atlet negara secara berterusan, progresif agar selaras dengan piala latihan berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Metodologi Latihan Berprestasi Tinggi : Kursus Perancangan dan Periodisasi Tahun 2026 (atas dan kiri).



Sekolah Sukan juara pertandingan badminton



SESI bergambar ramai para ahli Sekolah Sukan semasa Pertandingan Badminton sempena Jubli Intan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS).

Siaran Akhbar dan Foto : Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin

BERAKAS, Jumaat, 26 Jun. - Sekolah Sukan baru-baru ini muncul juara Pertandingan Badminton sempena Jubli Intan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) anjuran Jawatankuasa Sambutan Jubli Intan Maktab dan Unit CCA, Maktab SOAS yang berlangsung di Dewan Sekolah Sukan.

Naib juara pula diraih oleh Sekolah

Menengah Sayyidina Husain, diikuti dengan Maktab SOAS dan Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong, masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang ialah Yang Dipertua Alumni Maktab SOAS, Dato Paduka Haji Mohd.

Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Pertandingan tersebut disertai oleh enam pasukan, iaitu Maktab SOAS, Sekolah Sukan, Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sekolah Menengah Sayyidina Husain, dan Sekolah Menengah Sultan

Hassan, Temburong.

Ia antara lain diadakan untuk memeriahkan Sambutan Jubli Intan 75 Tahun Maktab SOAS, selain untuk mengeratkan silaturahim antara warga maktab, alumni, dan sekolah-sekolah jemputan melalui semangat kesukanan.

Tahukah Awda

ADALAH menjadi satu kesalahan di bawah Bab (4) dari Akta Anjing Penggal 60, jika pemilik anjing gagal mendaftarkan anjing-anjing peliharaan, mereka boleh dijatuhkan hukuman denda BND250 atau 14 hari penjara bagi kesalahan pertama, bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh dijatuhkan hukuman denda BND500 atau sebulan penjara. Bagi pemilik berdaftar yang mempunyai rencana anjing tetapi tidak dikalungkan pada anjing tersebut juga boleh dikenakan denda BND250 atau sebulan penjara bagi yang tidak berbuat demikian. Pemilik anjing peliharaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anjing-anjing peliharaan mereka untuk sentiasa berada di dalam kawasan rumah sahaja sama ada di kandang / sangkar atau ditambah.

SUMBER : <https://www.moha.gov.bn/>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERDOA AGAR NEGARA KITA AKAN SENTIASA DALAM LINDUNGAN-NYA BERKEADAAN AMAN SEJAHTERA